BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan

Separuh Kedua

2022



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2022 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 31 Disember 2022 atau dinyatakan sebaliknya.

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2022

9 Risiko Pasaran
13 Risiko Kredit
25 Risiko Operasi
30 *Rencana: Kecerdasan Buatan dalam Sistem Kewangan Malaysia: Peluang, Risiko, dan Langkah Seterusnya*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

37 Sektor Perbankan
46 *Rencana: Pengurusan Aliran Kepincangan dalam Pasaran Komoditi yang Mempengaruhi Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam*
53 Sektor Insurans dan Takaful
57 Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan

Tambahan

Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua Tahun 2022

Pasaran kewangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun volatiliti pasaran global ketara

Tekanan pasaran meningkat berikutan perkembangan sektor perbankan global baru-baru ini

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Keadaan pasaran domestik terus kekal teratur, disokong oleh beberapa faktor utama

1. Pengurusan risiko pasaran yang aktif dan strategi lindung nilai oleh institusi kewangan
2. Pasaran domestik yang pelbagai dan cair
3. Pelabur institusi domestik berdaya tahan

Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pengantaraan kewangan dan meneruskan pemulihan ekonomi

Bank-bank mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh untuk menyokong perantaraan kewangan

- **18.8%** Nisbah Jumlah Modal *(Jun '22: 18.4%)*
- **118%** Nisbah Pendanaan Stabil Bersih *(Jun '22: 119%)*

Tahap permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh, jauh melebihi had minimum pengawalseliaan

- **154%** Nisbah Perlindungan Mudah Tunai *(Jun '22: 148%)*
- **226%** Nisbah Kecukupan Modal *(Jun '22: 224%)*

Risiko kredit sektor isi rumah dan perniagaan kekal terurus, disokong oleh keadaan pasaran kerja dan aktiviti perniagaan yang bertambah baik

Isi rumah

Daya tahan kewangan isi rumah kekal utuh, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang kukuh

Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun '22: 8.0%)*
6.7%

Hutang di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman *(Jun '22: 3.2%)*
1.9%

Nisbah Pinjaman TerJejas *(Jun '22: 1.2%)*
1.2%

Median Nisbah Khidmat Hutang Terkumpul *(Jun '22: 35%)*
37%

Perniagaan

Secara agregat, perniagaan kekal mantap dari aspek kewangan, namun sesetengah sektor menghadapi risiko pertumbuhan yang lebih perlahan daripada tekanan kos

Nisbah hutang kepada ekuiti
20.9%
Perniagaan Keseluruhan *(Jun '22: 22.0%)*

Bahagian syarikat berisiko
38.2%
Pembinaan *(Purata 2015-2019: 23.5%)*
21.6%
Perkilangan *(Purata 2015-2019: 18.1%)*

Bank-bank mempunyai penampan peruntukan yang berhemat untuk menyerap peningkatan kerugian kredit manakala pemulihan perolehan membantu mengekalkan penampan modal

- **1.7%** Nisbah Jumlah Peruntukan kepada Jumlah Pinjaman *(Jun '22: 1.8%)*
- **118.2%** Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[1] *(Jun '22: 115.3%)*
- **12.4%** Pulangan Atas Ekuiti *(Jun '22: 11.8%)*

[1] Termasuk rizab pengawalseliaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan institusi kewangan menghadapi kejutan buruk dan mengurangkan kesan kelembapan ekonomi

Daya tahan institusi kewangan dinilai berdasarkan dua senario bagi tempoh 3 tahun yang lebih teruk berbanding dengan Krisis Kewangan Global 2008 dan pandemik 2020

Senario Buruk 1 — Penguncupan KDNK yang ketara diikuti oleh pemulihan yang pantas

Kerugian dalam sistem perbankan dan sektor insurans sebahagian besarnya didorong oleh risiko kredit dan pasaran...

Pendorong Kerugian Utama Bawah SB2 (2023*u*-2025*u*)



Senario Buruk 2 — Penguncupan KDNK yang sederhana diikuti oleh pertumbuhan yang perlahan

...tetapi nisbah modal selepas kejutan kekal melebihi tahap pengawalseliaan minimum

Bank-bank: Nisbah Jumlah Modal Bawah SB2



Penanggung Insurans: Nisbah Kecukupan Modal Bawah SB2



Rencana: Kecerdasan Buatan dalam Sistem Kewangan Malaysia: Peluang, Risiko dan Langkah Seterusnya

Tinjauan menunjukkan banyak penyedia perkhidmatan kewangan (FSP) menggunakan AI/ML secara aktif

Dalam kalangan FSP yang ditinjau...



84% menggunakan sekurang-kurangnya satu projek AI/ML secara aktif

48% menerapkan AI/ML dalam rancangan strategik mereka

BNM terus menggalakkan penggunaan AI/ML yang bertanggungjawab oleh FSP



Rencana: Pengurusan Aliran Kepincangan dalam Pasaran Komoditi yang Mempengaruhi Aplikasi *Tawarruq* dalam Sistem Perbankan Islam

Transaksi *tawarruq* terdedah kepada kejutan bekalan dan harga yang berpunca daripada kepincangan dalam pasaran komoditi...

Ketegangan geopolitik
- *Konflik ketenteraan di Ukraine meningkatkan volatiliti harga logam dan minyak mentah*

Kekurangan tenaga kerja dalam negeri
- *Penuaian minyak sawit terjejas akibat kekurangan buruh asing disebabkan oleh penutupan sempadan*

Risiko berkaitan iklim
- *Risiko fizikal dan peralihan menjejaskan komoditi perlombongan dan komoditi berasaskan pertanian*

...walau bagaimanapun, risiko dikurangkan dengan pengurusan risiko yang mantap dan penyelesaian jangka panjang yang dirancang

Ketersediaan komoditi yang pelbagai serta beberapa bursa dan broker komoditi yang digunakan dalam transaksi *tawarruq*

Semua transaksi komoditi dijalankan secara lani dengan harga intrahari tetap, lantas melindungi bank-bank Islam daripada volatiliti harga

Usaha bersepadu untuk membangunkan kontrak Syariah alternatif selain *tawarruq*

u Unjuran

[2] Merujuk kerugian daripada risiko kredit (termasuk insurans semula dan kemungkiran bon korporat) dan risiko pengunderaitan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Keadaan kewangan global menjadi ketat pada separuh kedua tahun 2022 apabila bank-bank pusat utama meningkatkan kadar dasar secara agresif untuk menangani tahap inflasi yang tinggi. Pasaran kekal tidak menentu dalam keadaan ketidakpastian prospek pertumbuhan global dan peralihan jangkaan terhadap dasar monetari. Baru-baru ini, tekanan sistem perbankan di beberapa ekonomi maju telah meningkatkan volatiliti dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti di seluruh dunia. Perkembangan global ini turut menjejaskan pasaran kewangan Malaysia dan menyebabkan pasaran pertukaran wang asing (*foreign exchange*, FX), bon dan wang mengalami volatiliti yang lebih tinggi.

Di dalam negeri, tahap tekanan pasaran pada separuh kedua tahun 2022 telah meningkat ke tahap yang dicatatkan pada pertengahan tahun 2020 tetapi masih kekal di bawah tahap tertinggi yang dicatatkan pada permulaan pandemik pada bulan Mac 2020. Meskipun volatiliti terus ketara dalam pasaran kewangan domestik, keadaan pasaran kekal teratur dan pengantaraan aliran dua hala dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti berjalan dengan lancar. Keadaan ini telah menyokong pengumpulan dana oleh perniagaan melalui pasaran modal. Mudah tunai dalam pasaran bon kerajaan kekal kukuh. Yang ketara, keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan sebahagian besarnya tidak terjejas oleh penarikan balik fleksibiliti pengawalseliaan yang diberikan semasa pandemik dan tekanan perbankan di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini. Dalam pasaran pertukaran asing, pergerakan ringgit terus dipengaruhi oleh faktor luaran berikutan pertumbuhan global dan prospek inflasi yang berubah-ubah. Pelarasan terhadap ringgit adalah teratur, disokong oleh mudah tunai yang berterusan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri. Keadaan ini akan terus membantu perniagaan dan peserta pasaran untuk menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.

Sektor perniagaan telah mendapat manfaat daripada pembukaan semula sektor ekonomi yang menyokong perbelanjaan pengguna untuk barangan dan perkhidmatan budi bicara. Keupayaan membayar balik hutang keseluruhan perniagaan kekal kukuh dengan nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) sebanyak 6.0 kali meskipun kelainan pada peringkat sektor dan syarikat terus mencerminkan pemulihan yang tidak sekata. Syarikat dalam beberapa sektor terus menghadapi cabaran berikutan kos input yang ketara lebih tinggi disebabkan oleh gangguan bekalan, perkembangan geopolitik dan nilai ringgit yang lemah. Bahagian syarikat yang berisiko kekal tinggi dan telah meningkat sedikit kepada 25.1% (S2 2022: 24.6%). Walau bagaimanapun, penunjuk berpandangan ke hadapan bank-bank menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan secara relatifnya adalah terbendung. Bahagian pinjaman perniagaan yang mempunyai risiko kredit yang meningkat (pinjaman Tahap 2) terus menurun, manakala bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman, termasuk pinjaman PKS, terus menurun dengan ketara kepada 5.9% daripada jumlah pinjaman perniagaan (Jun 2022: 14.8%). Sebilangan kecil PKS terus menghadapi kesukaran bayaran balik pinjaman berikutan tekanan kos yang lebih tinggi. Hal ini diburukkan lagi oleh penampan PKS yang lebih rendah dan kuasa penetapan harga yang terhad. Walau bagaimanapun, peningkatan pinjaman delinkuen dalam segmen ini kekal seperti yang dijangka oleh bank-bank. Pada masa hadapan, prospek pertumbuhan global dan domestik serta tekanan kos akan kekal sebagai pendorong utama risiko kredit dalam tempoh terdekat manakala kesan peralihan iklim dan risiko fizikal terhadap sektor perniagaan menimbulkan risiko jangka panjang terhadap sektor kewangan. Bank-bank kekal berwaspada terhadap risiko ini dan mengambil langkah pengukuhan amalan pengurusan risiko iklim dan menyokong keperluan pembiayaan perniagaan semasa peralihan.

Keadaan pendapatan dan pasaran pekerjaan yang bertambah baik telah membantu mengekalkan daya tahan keseluruhan isi rumah dalam keadaan kadar pengembangan pemberian pinjaman isi rumah yang lebih cepat. Nilai agregat aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang isi rumah. Median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI) kekal stabil pada 1.5 kali berikutan pertumbuhan kredit yang terus sejajar dengan pendapatan isi rumah. Ukuran-ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang juga kekal kukuh, termasuk nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) berhemat bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan pinjaman isi rumah terkumpul (median: masing-masing 43% dan 37%). Tinjauan tentang pinjaman berkadar terapung baharu yang diberikan oleh bank-bank ketika Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan, iaitu 1.75% mengesahkan bahawa pinjaman ini terus dibayar balik tepat pada masanya meskipun selepas kenaikan OPR yang berturut-turut. Hal ini menunjukkan bahawa bank-bank terus mematuhi standard pinjaman yang mantap pada tempoh ini. Secara amnya, peminjam isi rumah dijangka mampu bertahan dengan kenaikan kos pinjaman, selaras dengan tinjauan lalu yang dijalankan oleh Bank yang menunjukkan bahawa keupayaan membayar balik hutang isi rumah lebih terjejas disebabkan oleh kejutan pendapatan dan pekerjaan berbanding dengan kos pinjaman. Dalam segmen isi rumah berpendapatan rendah, sebahagian besar akaun pinjaman adalah pada terma kadar tetap yang tidak terkesan dengan perubahan OPR, lantas mengurangkan risiko kredit.

Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 oleh bank-bank telah menurun selanjutnya kepada 6.7% (Jun 2022 : 8.0%) kerana lebih ramai peminjam telah keluar daripada program bantuan bayaran balik dan menamatkan tempoh pemantauan minimum selama enam bulan untuk bayaran balik pinjaman. Pada masa hadapan, nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen isi rumah dijangka kembali normal kepada tahap sebelum pandemik apabila program bantuan bayaran balik secara meluas dihentikan secara beransur-ansur. Secara keseluruhan, trend kualiti aset isi rumah setakat ini berkembang seperti jangkaan awal bank-bank. Keadaan ini juga menyokong keupayaan dan kesediaan bank-bank untuk terus menyediakan bantuan bayaran balik khusus kepada peminjam yang masih memerlukannya.

Bank-bank di Malaysia terus mengekalkan penampan mudah tunai yang kukuh yang melebihi tahap pengawalseliaan minimum. Pada peringkat keseluruhan sistem, nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan nisbah Pendanaan Stabil Bersih kekal kukuh, masing-masing pada 154.0% dan 118.2%. Keadaan ini telah membolehkan bank-bank menyokong aktiviti pemberian pinjaman. Pada masa yang sama, keadaan ini juga menyediakan penampan terhadap kesan kenaikan kadar faedah pada aset mudah tunai yang berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) yang disimpan untuk memenuhi keperluan mudah tunai dan kejutan mudah tunai lain. Risiko mudah tunai dan pendanaan yang berkaitan dengan dedahan bank-bank kepada pendeposit besar, yang secara amnya lebih sensitif terhadap pergerakan kadar, kekal terurus walaupun terdapat beberapa tekanan menaik pada kadar antara bank. Sebahagian besar (80%) daripada HQLA bank-bank adalah dalam bentuk penempatan dengan Bank atau pemegangan bon kerajaan yang boleh dicagarkan dalam pasaran antara bank atau dengan Bank untuk mendapatkan mudah tunai tambahan di bawah kemudahan tetap yang sedia ada dan Kemudahan Mudah Tunai Keterikatan Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF).[1] Penumpuan deposit yang besar bersama-sama dengan penampan modal yang rendah boleh meningkatkan kelemahan dengan ketara terhadap pengeluaran deposit secara besar-besaran. Namun, hal ini tidak diperhatikan dalam kalangan bank-bank di Malaysia pada masa ini.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh. Nisbah jumlah modal sistem perbankan berada pada 18.8% pada akhir tahun 2022, dengan penampan modal sebanyak RM134.8 bilion melebihi tahap pengawalseliaan minimum. Peningkatan keuntungan dan strategi pemuliharaan modal yang dikekalkan oleh kebanyakan bank-bank akan mengukuhkan lagi keupayaan bank-bank untuk menyokong pengantaraan dan menyerap kerugian yang tidak dijangka. Kos kredit telah mula kembali kepada paras sebelum pandemik dan dijangka akan terus menurun apabila bank-bank mula memasuk kira semula (*write back*) beberapa peruntukan pertimbangan pengurusan yang berkaitan pandemik. Keadaan

[1] RCLF telah diperkenalkan oleh Bank pada tahun 2016 untuk membolehkan bank-bank mencapai mudah tunai untuk tempoh lebih daripada satu bulan daripada Bank. Bank-bank yang berhasrat untuk menggunakan RCLF akan dikenakan kadar kemudahan tetap dan dikehendaki menetapkan sekumpulan sekuriti layak tidak terhalang yang mencukupi untuk menyokong jumlah saiz RCLF.

ini akan memberikan sokongan tambahan kepada pendapatan dan modal bank-bank pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, bank-bank kekal berwaspada terhadap risiko kelemahan. Keadaan ini mungkin timbul daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan dan peningkatan tekanan kos yang menjejaskan prestasi pinjaman serta volatiliti pasaran kewangan yang meningkat.

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat sebanyak 226% dan lebihan penampan modal sebanyak RM37.5 bilion melebihi tahap pengawalseliaan minimum pada bulan Disember 2022. Keuntungan keseluruhan bagi dana insurans dan takaful bertambah baik berikutan pulangan pelaburan yang lebih tinggi. Hal ini membantu mengimbangi pembayaran tuntutan perubatan yang lebih tinggi. Sektor insurans dan takaful am juga menunjukkan prestasi yang lebih baik, sebahagiannya disebabkan oleh ketiadaan tuntutan besar yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2022 akibat banjir teruk pada akhir tahun 2021. Pada masa hadapan, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operator*, ITO) akan terus terdedah kepada volatiliti pasaran kewangan yang ketara memandangkan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang besar. Pengalaman tuntutan dalam segmen perubatan dan motor yang terus kembali normal, serta peningkatan kekerapan dan keterukan peristiwa fizikal seperti banjir, akan memberikan kesan terhadap prestasi ITO pada masa akan datang. Permodalan yang kukuh dan pengaturan insurans semula yang mantap kekal penting bagi memastikan bahawa ITO dilindungi secukupnya untuk menghadapi risiko yang berkaitan dengan perkembangan tersebut.

Ujian tekanan makro dan mikro terkini yang dijalankan oleh Bank, yang menggabungkan faktor tekanan yang diperkukuh dan faktor tekanan tambahan, terus mengesahkan daya tahan institusi kewangan terhadap kerugian yang tidak dijangka daripada kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Nisbah modal agregat selepas kejutan bagi bank (16.3%), penanggung insurans hayat (164%) dan penanggung insurans am (211%) kekal melebihi tahap pengawalseliaan mininum pada akhir tempoh ujian tekanan (2025). Kedudukan ini akan terus menyokong keupayaan institusi kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan perlindungan isi rumah dan perniagaan.

Daya tahan operasi dan siber kekal menjadi keutamaan institusi kewangan dan Bank berikutan penggunaan pendigitalan dan teknologi dalam kewangan yang meningkat. Walaupun kerugian operasi institusi kewangan kekal rendah, jumlah kes penipuan perbankan dalam talian yang dilaporkan telah meningkat selaras dengan trend yang diperhatikan di seluruh dunia. Sebagai tindak balas, badan-badan antarabangsa, kerajaan dan pengawalselia kewangan semakin memberikan tumpuan terhadap usaha memperkukuh keupayaan pencegahan, pertahanan, pemulihan dan tindak balas negara dan sistem kewangan terhadap jenayah kewangan siber dan penipuan. Di Malaysia dan beberapa negara lain, pusat pencegahan antipenipuan kebangsaan telah ditubuhkan. Bank dan industri kewangan terus memberikan tumpuan terhadap usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pelbagai taktik penipuan dan langkah-langkah amalan siber yang baik. Secara keseluruhan, institusi kewangan terus memberikan keutamaan pada pengurusan risiko teknologi dan membuat pelaburan yang besar dalam menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat (*information technology*, IT) mereka. Langkah ini diiringi dengan usaha berterusan yang diterajui Bank untuk menjalankan latihan simulasi krisis bersama dengan industri kewangan. Hal ini bertujuan untuk menguji dan memperkukuh pelan tindak balas dan pemulihan yang sedia ada bagi mengurangkan gangguan operasi yang meluas.

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2022

9 **Risiko Pasaran**

13 **Risiko Kredit**

25 **Risiko Operasi**

30 Rencana: Kecerdasan Buatan dalam Sistem Kewangan Malaysia: Peluang, Risiko, dan Langkah Seterusnya

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2022

RISIKO PASARAN

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur dalam keadaan volatiliti pasaran kewangan global yang ketara

Pasaran kewangan global terus dipengaruhi oleh perubahan pendirian dasar monetari bank-bank pusat utama dan prospek pertumbuhan global. Inflasi kekal tinggi dalam keadaan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi-ekonomi utama pada separuh kedua tahun 2022. Bank-bank pusat utama telah bertindak balas dengan menaikkan kadar dasar secara agresif. Hal ini menyebabkan keadaan kewangan global semakin ketat. Perkembangan global ini turut memberikan kesan kepada pasaran kewangan Malaysia. Meskipun prestasi ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh, tekanan pasaran, seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI), meningkat dengan ketara dalam tempoh tersebut. Hal ini disebabkan oleh volatiliti lebih tinggi yang dilihat dalam pasaran pertukaran mata wang asing (*foreign exchange*, FX), bon dan wang. Tahap tekanan meningkat ke tahap seperti yang dilihat pada pertengahan tahun 2020, tetapi kekal jauh di bawah paras kemuncak yang dilihat ketika permulaan pandemik pada bulan Mac 2020 (Rajah 1.1). Volatiliti pasaran global baru-baru ini yang disebabkan oleh kebimbangan terhadap sektor perbankan beberapa ekonomi maju memberikan kesan minimum ke atas pasaran kewangan Malaysia, selain daripada beberapa kelemahan yang diperhatikan dalam pasaran ekuiti domestik. Bank kekal berwaspada terhadap potensi risiko limpahan daripada sektor perbankan global kepada pasaran kewangan domestik.

Pasaran ekuiti domestik menurun seiring dengan pasaran serantau lain (Rajah 1.2). Prestasi terjejas oleh

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

akitiviti pengambilan untung pada kaunter teknologi dan penjagaan kesihatan berikutan persekitaran kenaikan kadar faedah dan kebimbangan terhadap pandemik yang semakin reda. Namun begitu, pelonggaran keadaan kewangan global menjelang akhir tahun 2022, kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh, dan sentimen pelabur yang positif berikutan peralihan politik yang teratur susulan Pilihan Raya Umum Ke-15 telah memberikan sokongan kepada pasaran ekuiti domestik pada suku keempat tahun 2022. Modal baharu keseluruhan yang diperoleh dalam pasaran ekuiti domestik meningkat kepada RM4.1 bilion[1] sepanjang tempoh itu (Januari 2021-Januari 2022: RM3.2 bilion; Januari 2020-Januari 2021: RM2.0 bilion), lantas mencerminkan peningkatan keyakinan perniagaan dan permintaan pelabur. Walau bagaimanapun, ketidakpastian yang meningkat terhadap kadar dasar monetari Amerika Syarikat (AS) menjadi ketat dalam keadaan kenaikan inflasi yang berterusan dan kegagalan beberapa buah bank AS pada suku pertama 2023 telah melemahkan prestasi pasaran ekuiti pada peringkat global, termasuk di Malaysia. Meskipun sentimen penghindaran risiko dalam kalangan pelabur disebabkan oleh kebimbangan terhadap sektor perbankan global telah memberikan tekanan kepada pasaran ekuiti domestik, khususnya kaunter perbankan, kesannya tetap sederhana dan sementara.

[1] Bagi tempoh 13 bulan dari bulan Januari 2022 hingga Januari 2023.

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

Aliran bukan pemastautin dalam ekuiti bertukar negatif sejak bulan September 2022, sebahagiannya mencerminkan sentimen pelabur yang lemah susulan tekanan inflasi yang berterusan serta jangkaan bahawa bank-bank pusat utama akan mengetatkan dasar monetari dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2022 secara keseluruhan, pelabur bukan pemastautin merupakan pembeli bersih dalam pasaran ekuiti domestik (aliran masuk bersih sebanyak RM4.4 bilion), selepas mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak empat tahun berturut-turut sejak tahun 2018. Pelabur runcit terus kekal sebagai peserta utama dalam pasaran ekuiti domestik, walaupun tahap penyertaan mereka telah menurun daripada paras tinggi yang dicatatkan semasa pandemik (purata sejak awal tahun sehingga kini[2]: 27.3%; purata 2020-2021: 34.3%) dalam keadaan pulangan lebih tinggi bagi deposit dan pembetulan harga yang mendadak dalam sektor teknologi dan penjagaan kesihatan. Setakat ini, pelaburan-pelaburan ini tidak dikaitkan dengan peningkatan hutang, lantas melindungi isi rumah daripada tekanan berkaitan hutang disebabkan oleh harga ekuiti yang tidak menentu. Pinjaman isi rumah yang digunakan untuk membeli saham tersenarai (*quoted shares*) kekal kecil dan stabil pada 0.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan, tidak berubah daripada purata 5 tahun pinjaman sistem perbankan.

Aliran portfolio bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran

Pasaran bon domestik kekal berdaya tahan meskipun volatiliti pasaran yang ketara dalam persekitaran kenaikan kadar faedah. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun meningkat sebanyak 51 mata asas pada tahun 2022 (Rajah 1.3) susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) (2022: +100 mata asas). Pada paras tertinggi, kadar hasil meningkat kepada 4.55% pada akhir bulan Oktober sejajar dengan trend kadar hasil global dalam keadaan ketidaktentuan berhubung dengan prospek kadar faedah global. Mudah tunai pasaran kekal kukuh dengan permintaan yang berterusan terhadap bon kerajaan dalam pasaran primer seperti yang ditunjukkan oleh nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover*, BTC) purata sebanyak 2.1 kali antara bulan September 2022 hingga Mac 2023[3] (purata 2015-2019: 2.3 kali). Sementara itu, dalam pasaran sekunder, jumlah dagangan harian bon kerajaan

[2] Data setakat 20 Mac 2023.

[3] Data setakat 20 Mac 2023.

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

berpurata sebanyak RM3.3 bilion antara bulan September 2022 hingga Mac 2023 (purata 2015-2019: RM3.1 bilion). Keadaan mudah tunai juga tidak banyak terjejas dengan tempoh fleksibiliti[4] Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang tamat pada akhir tahun 2022 disebabkan oleh penampan mudah tunai bank-bank yang kukuh. Baru-baru ini, keadaan mudah tunai kekal stabil berikutan kegagalan beberapa buah bank di AS. Bank-bank terus mendapat akses kepada pelbagai jenis instrumen untuk menguruskan mudah tunai, termasuk pengaturan pembelian semula (repo), repo berbalik, swap FX dan kemudahan tersedia dengan Bank.

Bagi tahun 2022 secara keseluruhan, pelabur bukan pemastautin merupakan penjual bersih dalam pasaran bon kerajaan domestik (aliran keluar bersih sebanyak RM7.8 bilion) – trend yang turut diperhatikan dalam banyak ekonomi sedang pesat membangun berikutan jangkaan keadaan monetari global yang lebih ketat. Aliran bukan pemastautin menjadi positif sejak bulan November 2022 sejajar dengan trend serantau, dalam keadaan pulangan keseluruhan bon kerajaan tempatan yang menarik secara relatif. Oleh yang demikian, bahagian pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan meningkat sedikit kepada 22.8% sejak awal tahun hingga kini (Disember 2022: 22.2%; purata 2015-2019: 27.0%). Pelabur institusi domestik seperti bank-bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operator*, ITO), terus aktif dalam pasaran bon kerajaan (2022: pembelian bersih sebanyak RM56.7 bilion; 2021: pembelian bersih sebanyak RM51.0 bilion), sekali gus menyokong mudah tunai pasaran dalam keadaan aliran bukan pemastautin yang tidak menentu.

Pasaran bon korporat terus berfungsi secara teratur dalam menyokong aktiviti pengumpulan dana korporat. Terbitan bon korporat kasar meningkat dengan mendadak (Ogos 2022-Januari 2023: RM94.7 bilion; Ogos 2019-Januari 2020: RM48.8 bilion), sebahagian besarnya didorong oleh satu terbitan besar oleh pengendali tol lebuh raya utama pada bulan Disember (RM25.2 bilion). Bon korporat kekal menjadi instrumen pelaburan yang menarik bagi pelabur. Spread kredit antara kertas AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun kekal stabil, mencerminkan permintaan pelabur yang berterusan terhadap bon korporat (purata September 2022-Mac 2023[5]: 56.1 mata asas; purata 2015-2019: 55.4 mata asas). Hal ini akan terus menyokong keadaan pasaran yang teratur.

Dari bulan September 2022 hingga Mac 2023,[6] nilai ringgit menurun sebanyak 0.2% berbanding dolar AS, dan ditutup pada 4.4860. Ringgit mencatatkan paras terendahnya apabila ditutup pada 4.7480

[4] Fleksibiliti untuk membolehkan bank-bank menggunakan MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) bagi memenuhi pematuhan SRR yang diperkenalkan pada awal pandemik bagi memberikan lebih fleksibiliti kepada bank-bank dalam pengurusan mudah tunai mereka dan menyokong kelancaran fungsi pasaran bon secara berterusan.

[5] Data setakat 20 Mac 2023.
[6] Data setakat 20 Mac 2023.

pada awal November ketika dolar AS meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh 20 tahun susulan tindakan monetari yang diperketat secara agresif oleh Federal Reserve AS. Nilai ringgit seterusnya menjadi kukuh menjelang akhir tahun 2022 terutamanya susulan tanda bahawa Federal Reserve AS mungkin memperlahankan kadar dasar monetari AS menjadi ketat. Pengukuhan ini berterusan hingga bulan Januari 2023 berikutan jangkaan pembukaan semula ekonomi China yang menambah sentimen positif kepada ringgit. Walau bagaimanapun, peningkatan semula dolar AS sejak bulan Februari 2023 menyebabkan nilai ringgit menjadi lebih lemah apabila pelabur global menyemak semula jangkaan mereka terhadap kadar penamat (*terminal rate*) Federal Funds Rate (FFR) yang lebih tinggi. Volatiliti pasaran baru-baru ini berikutan kebimbangan berhubung dengan sektor perbankan AS menyaksikan pasaran mengubah semula jangkaan untuk peningkatan FFR yang lebih kecil. Hal ini telah menyebabkan nilai ringgit menaik sedikit berbanding dengan dolar AS pada bulan Mac. Ringgit terus membuat penyesuaian secara teratur, disokong oleh purata dagangan harian FX dalam negeri yang kukuh (sejak awal tahun hingga kini: USD15.5 bilion; 2022: USD13.7 bilion; 2021: USD11.3 bilion). Meskipun tukaran USD/MYR 1 bulan menunjukkan bahawa volatiliti meningkat sedikit kepada 5.3% antara bulan September 2022 hingga Mac 2023 (purata 2020-2022: 4.6%), kadar ini masih selari sebahagian besarnya dengan trend serantau, dan tetap berada jauh di bawah paras volatiliti tertinggi yang dilihat dalam tempoh 10 tahun lalu (paras tertinggi 2015: 15%). Pergerakan ketara dalam kadar pertukaran ringgit boleh meningkatkan risiko bagi perniagaan dengan hutang luar negeri yang tinggi walaupun risiko tersebut masih terbendung pada masa ini (rujuk bahagian 'Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2022 – Risiko Kredit' untuk maklumat terperinci). Pada masa hadapan, pergerakan ringgit sebahagian besarnya akan dipengaruhi oleh perkembangan luaran berikutan pertumbuhan global yang berubah-ubah dan prospek inflasi. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan termasuk kenaikan kadar faedah AS yang agresif, volatiliti pasaran global yang ketara serta kebimbangan berhubung penularan yang berpunca daripada tekanan sistem perbankan di beberapa ekonomi maju. Kesemua risiko ini mungkin akan menyebabkan sentimen pelabur terus merosot, dan mungkin mengakibatkan tekanan jangka masa terdekat yang berpunca daripada aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Namun demikian, pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang berterusan serta kesan limpahan positif daripada pembukaan semula ekonomi China (rujuk Bab 2 Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2022 Bank Negara Malaysia untuk maklumat lanjut) akan memberikan sokongan kepada ringgit.

RISIKO KREDIT

Walaupun keadaan permintaan dalam negeri bertambah baik, prestasi perniagaan menghadapi rintangan berikutan tekanan kos yang kekal tinggi pada separuh kedua tahun 2022

Pada separuh kedua tahun 2022, syarikat dalam sektor korporat bukan kewangan meraih manfaat daripada keadaan permintaan dalam negeri yang bertambah baik. Sektor-sektor yang sebelum ini ketinggalan dalam pemulihan ekonomi terus bertambah baik apabila pembukaan semula ekonomi sepenuhnya menyokong perbelanjaan budi bicara untuk barangan dan perkhidmatan. Segmen riadah dan hospitaliti khususnya disokong oleh peningkatan perjalanan dalam negeri dan acara sosial seperti majlis perkahwinan dan sambutan perayaan. Walau bagaimanapun, perniagaan terus menghadapi persekitaran operasi yang mencabar. Kos input bagi beberapa industri meningkat dengan ketara berikutan gabungan beberapa faktor termasuk gangguan dari segi bekalan, kenaikan harga komoditi global disebabkan oleh perkembangan geopolitik dan ringgit yang lebih lemah. Peningkatan kos input bagi perniagaan menjejaskan margin keuntungan dan menyebabkan penurunan dalam keupayaan membayar balik hutang keseluruhan. Walau bagaimanapun, tahap keupayaan membayar balik hutang, seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) kekal kukuh sebanyak tiga kali melebihi paras kehematan (Rajah 1.4). Perniagaan juga terus mengurangkan leveraj keseluruhan dan mengekalkan penampan mudah tunai yang lebih kukuh berbanding dengan tahap sebelum pandemik berikutan ketidakpastian persekitaran operasi yang berterusan.

Risiko kredit dalam kalangan syarikat yang tersenarai kekal terurus. Walau bagaimanapun, kelainan pada peringkat sektor dan syarikat terus menunjukkan pemulihan yang tidak sekata. Bahagian syarikat berisiko[7] naik kepada 25.1% (S2 2022: 24.6%) menjelang akhir tahun berikutan cabaran kos yang menjejaskan keuntungan perniagaan. Hal ini didorong terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan dan perkilangan disebabkan oleh kos operasi yang terkesan berikutan kenaikan harga bahan dan kekurangan pekerja sejak kebelakangan ini.

Sementara itu, keadaan sektor yang sebelum ini ketinggalan dalam pemulihan ekonomi seperti sektor hotel dan restoran serta sektor perdagangan runcit telah bertambah baik. Dari segi sektor harta tanah, bahagian syarikat berisiko kekal tinggi berikutan lebihan bekalan berlarutan yang menjejaskan pasaran harta tanah komersial (Rajah 1.5).

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[7] Syarikat berisiko ditakrifkan sebagai syarikat korporat bukan kewangan yang tersenarai dengan nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

Pinjaman perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 3.4% menjelang akhir tahun 2022 (Jun 2022: 5%). Pinjaman untuk tujuan pelaburan dalam aset tetap, termasuk harta bukan kediaman, telah meningkat dengan pantas apabila hasrat pelaburan perniagaan kembali pulih selaras dengan kegiatan ekonomi yang lebih kukuh. Pertumbuhan pinjaman juga didorong oleh peningkatan dalam pinjaman perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutamanya bagi tujuan modal kerja dalam keadaan tekanan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman keseluruhan menjadi perlahan disebabkan oleh penurunan dalam pinjaman terkumpul untuk sektor pertanian utama berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah yang mengurangkan keperluan pembiayaan hutang oleh syarikat daripada sektor tersebut. Pinjaman terkumpul untuk sektor perlombongan dan pengkuarian juga menguncup berikutan permintaan yang lebih lemah untuk pinjaman modal kerja. Hal ini selaras dengan usaha yang lebih meluas oleh sektor tersebut untuk membayar balik hutang dan menambah baik disiplin hutang sejak tahun 2020. Tinjauan terkini mengenai keadaan kredit dan pendanaan yang dijalankan pada suku keempat tahun 2022 menunjukkan bahawa persepsi bank-bank terhadap risiko perniagaan pada masa hadapan secara amnya kekal stabil, walaupun selepas mengambil kira faktor kadar dasar yang lebih ketat. Keadaan ini sepatutnya terus menyokong aktiviti pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan, termasuk PKS.

Syarikat korporat yang lebih besar terus memanfaatkan pasaran bon korporat untuk pendanaan. Terbitan bon korporat meningkat secara mendadak pada separuh kedua tahun 2022 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2021 (+82%; ST1 2022: –7.6%), didorong terutamanya oleh terbitan besar oleh sebuah pengendali jalan tol utama pada bulan Disember (RM 25.2 bilion). Sementara itu, hutang luar negeri meningkat disebabkan oleh kesan penilaian kadar pertukaran dengan pengukuhan mata wang dolar AS. Bagi sektor perniagaan secara keseluruhan, nisbah hutang korporat bukan kewangan kepada KDNK ialah 98.4%. Nisbah ini rendah sedikit daripada paras yang dicatatkan sebelum pandemik, hasil pertumbuhan KDNK yang terus mengatasi kadar pertumbuhan hutang.

Pada tahun 2022, dana yang diperoleh melalui tawaran awam permulaan dalam pasaran ekuiti berjumlah RM3.4 bilion (2021: RM2.7 bilion).

Sebahagian besar daripada 56 penerbit terdiri daripada perniagaan yang lebih kecil yang disenaraikan dalam Pasaran ACE. Lebih banyak perniagaan juga menggunakan platform pembiayaan alternatif seperti pemerolehan dana ekuiti melalui Internet (*equity crowdfunding*, ECF) dan pembiayaan rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*, P2P) untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2022, sejumlah RM1.2 bilion (bulan Januari hingga September 2021: RM0.9 bilion) berjaya dikumpulkan menerusi saluran alternatif ini, terutamanya untuk tujuan modal kerja dan pengembangan perniagaan.[8] Walau bagaimanapun, jumlah pembiayaan ini kekal kecil berbanding dengan pembiayaan pinjaman tradisional oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) iaitu sebanyak 0.1% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada perniagaan pada tempoh yang sama. Pada masa hadapan, pembangunan ekosistem kewangan alternatif selanjutnya adalah penting untuk memenuhi keperluan pembiayaan perniagaan[9] yang semakin pelbagai, khususnya bagi syarikat inovatif yang terlibat dalam bidang pertumbuhan baharu, dan pada masa yang sama mengurangkan risiko kestabilan kewangan. Pendanaan peringkat awal dalam bentuk pembiayaan bank tradisional yang menggunakan wang pendeposit untuk syarikat sedemikian adalah tidak sesuai disebabkan oleh risiko berkaitan yang lebih tinggi. Pendanaan ekuiti, termasuk yang digabungkan dengan perkongsian awam-swasta, akan memainkan peranan penting dalam pembiayaan syarikat inovatif bersama-sama dengan langkah-langkah untuk menambah baik persekitaran untuk tujuan inovasi.[10]

Tidak termasuk hapus kira pinjaman legasi pada suku keempat tahun 2022, kualiti pinjaman bank tidak banyak berubah berbanding dengan separuh kedua tahun 2022. Bagi keseluruhan tahun 2022, pinjaman terjejas perniagaan meningkat secara sederhana dengan nisbah pinjaman terjejas pada 2.8% (Rajah 1.6), yang tidak berubah daripada tahun 2021. Secara amnya, penunjuk utama daripada bank-bank menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan akan terus terkawal secara relatif. Bahagian pinjaman

[8] Berdasarkan data yang dikumpulkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 30 September 2022. Rujuk https://www.sc.com.my/analytics/digital untuk butiran lanjut.

[9] Rujuk bahagian 'Teras Strategik 1: Membiayai transformasi ekonomi Malaysia' dalam Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 untuk perincian bagi memastikan ekosistem pendanaan yang berdaya tahan.

[10] Sebagai contoh, membangunkan ekosistem data terbuka dan menambah baik Akta Syarikat 2016 bagi meluaskan perlindungan syarikat yang layak untuk mekanisme penyelamat korporat.

perniagaan dengan peningkatan risiko kredit[11] terus menurun, sejajar dengan keadaan perniagaan yang lebih menggalakkan.

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Berikutan keadaan perniagaan yang bertambah baik dan tamatnya tempoh program bantuan bayaran balik pinjaman, bahagian pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun kepada 5.6% daripada jumlah pinjaman PKS, atau 1.0% daripada jumlah pinjaman oleh sistem perbankan dan IKP[12] (Rajah 1.7). Kebanyakan PKS yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah dapat menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka, walaupun sebahagian kecil peminjam masih menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman. Nisbah pinjaman delinkuen bagi peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman meningkat sedikit kepada 0.9% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2022 (Jun 2022: 0.7%). Hal ini didorong oleh sektor-sektor yang lebih terjejas oleh cabaran kos. Walau bagaimanapun, nisbah ini kekal berada dalam lingkungan jangkaan bank-bank. Meskipun begitu, bank-bank terus berwaspada terhadap keupayaan para peminjam ini untuk membuat bayaran balik pinjaman pada masa hadapan, berikutan penampan yang terhakis sejak permulaan pandemik dan keadaan operasi perniagaan yang terus tidak menentu. Mengambil kira keadaan ini, kira-kira satu per lima daripada pinjaman PKS yang tidak lagi menerima bantuan bayaran balik pinjaman (atau bersamaan dengan 3.7% daripada jumlah pinjaman PKS) terus dikelaskan sebagai Tahap 2 oleh bank-bank. Walaupun begitu, bilangan pendaftaran baharu bagi program bantuan bayaran balik pinjaman adalah sangat kecil bagi kebanyakan bank, yang menunjukkan peningkatan berterusan daya tahan perniagaan pada masa hadapan, sekiranya tiada kejutan besar.

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan dan Penstrukturan Semula Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selaras dengan hal ini, kesan kadar pemberian pinjaman yang meningkat terhadap kualiti peminjaman PKS adalah terhad. Walaupun 77% daripada dedahan bank kepada PKS merupakan pinjaman kadar terapung, interaksi dan perbincangan dengan bank-bank menunjukkan bahawa kebanyakan peminjam setakat ini dapat menguruskan kesan kos pinjaman yang meningkat. Bank-bank menekankan bahawa kesukaran yang dihadapi oleh PKS untuk membayar balik pinjaman secara amnya dikaitkan dengan tekanan kos input yang lebih tinggi. Penampan yang lebih rendah dan kuasa penetapan harga yang terhad telah meningkatkan lagi tekanan bagi beberapa PKS. Meskipun bank-bank terus berinteraksi dan berbincang dengan peminjam secara proaktif bagi menawarkan khidmat nasihat dan menyediakan program bantuan yang sesuai dengan keperluan mereka, tinjauan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta bank-bank menunjukkan bahawa terdapat peluang untuk syarikat melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk mengubah model perniagaan mereka dan meningkatkan kecekapan termasuk melalui peningkatan automasi dan pendigitalan bagi meningkatkan daya tahan perniagaan dalam jangka lebih panjang.

Pada tahun ini, enam penerbit bon korporat (0.8% daripada jumlah bon domestik terkumpul) telah diturunkan taraf disebabkan oleh kelemahan

[11] Merujuk bahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai pinjaman Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[12] Bahagian purata pinjaman PKS pada tahun 2015 – 2019 di bawah penjadualan semula dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R) ialah 1.8% daripada jumlah pinjaman PKS, atau 0.3% daripada jumlah sistem perbankan dan pinjaman IKP.

terpencil khusus syarikat dan bukannya disebabkan oleh kesukaran pasaran yang lebih meluas. Risiko daripada hutang luaran korporat bukan kewangan juga kekal terurus memandangkan kebanyakan dedahan syarikat dalam negeri telah dilindung nilai dan mempunyai tempoh matang jangka sederhana hingga panjang (melebihi 12 bulan). Hal ini terbukti melalui penunjuk bayaran balik hutang yang kukuh di bawah analisis sensitiviti Bank[13] mengenai kesan keadaan kewangan yang menjadi ketat dengan ketara serta kesan penurunan nilai ringgit terhadap perniagaan. Analisis menunjukkan bahawa walaupun di bawah senario tekanan makroekonomi,[14] median nisbah perlindungan faedah untuk korporat bukan kewangan yang tersenarai dijangka kekal jauh melebihi paras ambang kehematan, iaitu 4.5 kali.

Pada masa hadapan, prospek perniagaan kekal tidak menentu. Prospek pertumbuhan global dan dalam negeri serta tekanan kos akan terus menjadi pendorong utama bagi keadaan risiko kredit pada jangka masa terdekat. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan bahawa penampan modal bank-bank adalah mencukupi untuk menyerap potensi peningkatan kerugian kredit daripada sektor perniagaan di bawah senario tekanan yang buruk (Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut). Pada jangka masa panjang, risiko peralihan dan risiko fizikal berkaitan iklim terhadap perniagaan juga menyebabkan peningkatan risiko kepada sektor kewangan. Bank terus bekerjasama dengan institusi kewangan untuk membina keupayaan dalam penilaian risiko iklim sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih meluas untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko iklim dan menyokong akses yang lebih meluas kepada kewangan peralihan.[15] Memandangkan kesan daripada tindakan mitigasi dan adaptasi terhadap risiko berkaitan iklim akan mengambil masa untuk menunjukkan hasil, tindakan mitigasi dan adaptasi yang lebih awal akan menjadi sangat penting untuk mengurangkan risiko fizikal dan mengelakkan peralihan yang tidak teratur bagi ekonomi.

[13] Analisis sensitiviti ini mengandaikan bahawa keadaan kewangan semakin ketat, termasuk penurunan nilai ringgit hingga 20% dan peningkatan purata kadar hasil bon korporat sebanyak 400 mata asas.

[14] Rujuk bahagian Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 Bank Negara Malaysia untuk maklumat lanjut.

[15] Rujuk rencana tentang 'Perkembangan Pelaksanaan Taksonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principal-based Taxonomy, CCPT) dalam Sektor Kewangan' untuk maklumat lanjut.

Risiko kredit daripada sektor isi rumah kekal terurus, disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang bertambah baik

Pada separuh kedua tahun 2022, pertumbuhan suku tahunan hutang isi rumah adalah lebih tinggi, iaitu pada 1.5%, sejajar dengan keadaan pasaran pekerja dan pendapatan yang bertambah baik (Rajah 1.8). Hasilnya, hutang isi rumah berkembang pada kadar tahunan yang lebih cepat, iaitu sebanyak 5.5% (Jun 2022: 5.3%). Walau bagaimanapun, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK terus merosot kepada 81.2% (Jun 2022: 84.5%), susulan KDNK nominal yang berkembang pada kadar yang lebih kukuh pada separuh kedua tahun 2022 (Rajah 1.9).[16] Hutang isi rumah terus didorong oleh pinjaman perumahan, lantas menunjukkan permintaan yang mampan untuk pembelian rumah susulan pelbagai langkah yang telah diperkenalkan untuk menggalakkan pemilikan rumah.[17] Pertumbuhan pinjaman kenderaan juga telah meningkat disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi untuk pembelian kenderaan semasa tempoh pengecualian cukai jualan (Disember 2022: 7.0%, Jun 2022: 4.2%).[18] Pinjaman kad kredit terkumpul juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih cepat pada tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, bahagian hutang isi rumah yang disebabkan oleh pinjaman penggunaan kekal tidak berubah (Rajah 1.10).

Rajah 1.8: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Suku Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.9: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Nota: Data pinjaman/pembiayaan bermula tahun 2021 dan seterusnya adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 1.10: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[16] Rujuk Tinjauan Ekonomi dan Monetari Bank Negara Malaysia 2022 untuk maklumat lanjut mengenai pertumbuhan KDNK.

[17] Hal ini termasuk pengecualian duti setem yang diumumkan di bawah Inisiatif Pemilikan Rumah Keluarga Malaysia (i-MILIKI) untuk pembeli rumah kali pertama untuk harta tanah yang berharga sehingga RM500,000 dan diskaun duti setem sebanyak 50% bagi harta tanah berharga antara RM500,000 hingga RM1 juta dari 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2023.

[18] Pengecualian cukai jualan sebanyak 100% untuk kenderaan penumpang yang dipasang di dalam negeri dan pengecualian cukai jualan 50% untuk kenderaan penumpang import bagi pembelian yang dibuat antara 15 Jun 2020 dan 30 Jun 2022. Bagi membolehkan pembeli kereta yang menempah kereta mereka setakat 30 Jun 2022 menikmati pengecualian cukai jualan, tarikh pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dilanjutkan sehingga 31 Mac 2023.

Pemberian pinjaman bank kepada isi rumah terus berkembang pada separuh kedua tahun 2022 (5.9%; Jun 2022: 5.7%). Bagi tahun 2022 secara keseluruhan, pertumbuhan pinjaman hampir pulih menghampiri tahap sebelum pandemik (purata 2015-2019: 6.2%). Pertumbuhan kredit terus mengikuti rapat pertumbuhan pendapatan isi rumah, dengan median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI) yang secara relatif stabil pada 1.5 kali (Jun 2022: 1.4 kali) (Rajah 1.11). Penunjuk lain berkaitan dengan keupayaan membayar balik hutang juga kekal kukuh. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman yang baru diluluskan dan pinjaman isi rumah terkumpul kekal pada paras berhemat, iaitu masing-masing pada 43% dan 37% (Jun 2022: 42% dan 35%). Dua pertiga daripada pinjaman yang baru diluluskan pada tahun 2022 mempunyai DSR di bawah 60%, iaitu kadar yang tidak berubah sejak tahun 2018.

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Satu perempat daripada peminjam isi rumah mempunyai DSR melebihi 60% dan mencakupi 33.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Memandangkan sebahagian besar (69%) daripada dedahan kredit ini disumbangkan oleh peminjam berpendapatan sederhana dan tinggi,[19] risiko kredit terhadap segmen ini dinilai pada tahap terkawal, susulan penampan tersedia yang lebih besar untuk menyokong bayaran balik pinjaman sekiranya berlaku masalah kewangan. Pinjaman terjejas kekal rendah dalam kalangan peminjam yang mempunyai DSR melebihi 60% (1.2% daripada pinjaman terkumpul

[19] Kumpulan yang berpendapatan sederhana merujuk individu yang berpendapatan bulanan antara RM5,000 hingga RM10,000 manakala kumpulan yang berpendapatan tinggi termasuk individu berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan. Individu yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM5,000 dikategorikan sebagai berpendapatan lebih rendah.

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Nilai Transaksi dan Pengguna Aktif Suku Tahunan bagi Skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL)



Nota: Berdasarkan data bagi 4 peserta terbesar BNPL bukan bank yang mencakupi 96% daripada nilai transaksi pada S4 2022. Pada masa ini, dedahan ini tidak termasuk dalam jumlah hutang isi rumah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam segmen ini). Penunjuk berpandangan ke hadapan seperti bahagian pinjaman yang lebih berisiko untuk segmen ini juga telah menurun (nisbah pinjaman Tahap 2: 7.4%; Jun 2022: 9.1%), yang secara umumnya konsisten dengan trend yang diperhatikan untuk pinjaman isi rumah secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, bank-bank telah menunjukkan bahawa mereka semakin berwaspada terhadap kesan kenaikan kadar faedah dan kos sara hidup yang lebih tinggi terhadap penampan isi rumah yang tersedia. Keadaan ini menunjukkan bahawa penunjuk kualiti aset isi rumah mungkin bertambah baik sedikit sahaja pada masa hadapan.

Skim beli sekarang bayar kemudian (*buy-now-pay-later*, BNPL) berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2022 (Rajah 1.12) dalam keadaan permintaan pelanggan yang berkurang. Skim itu terus disasarkan kepada segmen terpilih isi rumah Malaysia dengan sebahagian besar penggunanya merupakan peminjam yang lebih muda dan berpendapatan lebih rendah. Kira-kira 44% pengguna BNPL berumur antara 18 hingga 30 tahun.[20] Lebih daripada 80% pengguna BNPL berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan,[21] dan akibatnya mereka lebih mudah terdedah kepada tekanan kewangan. Akses yang lebih mudah bagi kemudahan BNPL boleh mendorong pengguna terdedah pada

[20] Berdasarkan data bagi empat peserta terbesar BNPL bukan bank yang mencakupi 96% daripada nilai transaksi pada S4 2022.
[21] Hanya peserta BNPL terpilih yang memberikan maklumat mengenai pendapatan.

risiko yang lebih tinggi untuk berbelanja melebihi kemampuan tanpa mempertimbangkan keupayaan mereka untuk membayar balik jumlah pinjaman penuh dengan segera. Kurangnya ketelusan terhadap maklumat fi dan caj, khususnya caj pembayaran lewat dan fi pemprosesan yang dikenakan di bawah skim ini, bermakna pengguna juga mungkin tidak menyedari jumlah keseluruhan yang perlu dibayar. Bukti anekdot dalam kalangan peserta BNPL lebih besar yang terpilih menunjukkan trend yang semakin meningkat bagi kes bayaran balik pinjaman tidak mengikut jadual, sekali gus menunjukkan bahawa risiko tersebut mungkin meningkat (bahagian pengguna BNPL dengan bayaran tertunggak: S4 2022: 17.0%; S2 2022: 14.0%; S4 2021: 7.0%).

Risiko kestabilan kewangan yang berkaitan dengan skim BNPL kekal terhad berikutan dedahan BNPL hanya mencakupi 0.05% daripada jumlah hutang isi rumah.[22] Walau bagaimanapun, Bank menyedari risiko amalan yang ditimbulkan oleh BNPL terhadap pengguna dan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkannya, terutamanya bagi skim BNPL yang ditawarkan oleh entiti yang dikawal selia oleh Bank. Langkah ini termasuk mewajibkan institusi kewangan berlesen (bank-bank serta institusi kewangan pembangunan (IKP) yang ditetapkan) dan pengeluar e-wang yang diluluskan agar mematuhi standard pemberian pinjaman bertanggungjawab yang sedia ada bagi skim BNPL yang ditawarkan.[23] Mereka juga diwajibkan menjalankan penilaian kesesuaian dan kemampuan yang lebih menyeluruh sebaik sahaja pelanggan baharu mendaftarkan penyertaan bagi skim tersebut, dengan mengambil kira jumlah dedahan atau peminjaman daripada pemberi pinjaman yang lain. Bank juga akan mengenakan langkah-langkah tambahan untuk meningkatkan penzahiran maklumat semua fi dan caj yang dikenakan kepada pengguna BNPL, termasuk sebarang terma dan syarat yang dikenakan semasa pendaftaran penyertaan bagi skim tersebut. Selanjutnya, selaras dengan prinsip layanan adil terhadap pengguna kewangan yang dikeluarkan oleh Bank, institusi kewangan berlesen dan pengeluar e-wang yang diluluskan akan diminta untuk menunjukkan bahawa caj pembayaran lewat yang dikenakan terhadap pengguna yang membayar balik tidak mengikut jadual adalah tidak melampau.

Dalam langkah sejajar, Kementerian Kewangan, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terus komited untuk mempercepat pembentangan cadangan Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA).[24] Apabila dilaksanakan kelak, penyedia kredit bukan bank seperti penyedia BNPL akan diwajibkan untuk mematuhi standard kehematan dan amalan yang relevan. Selain menggalakkan medan persaingan yang sama rata antara bank-bank dengan penyedia BNPL bukan bank, usaha berterusan ini bertujuan untuk memberikan pengguna kewangan perlindungan pada tahap yang sama berhubung dengan skim BNPL tanpa mengira penyedia yang berurusan dengan mereka. Usaha ini juga akan membantu mengurangkan risiko pengumpulan jumlah hutang yang berlebihan dalam kalangan peminjam yang lebih muda dan berpendapatan lebih rendah.

Dengan hampir 60% hutang isi rumah terdiri daripada hutang perumahan, risiko daripada kadar pinjaman mungkir yang lebih tinggi daripada jangkaan dan/atau kejatuhan mendadak harga rumah terus menjadi tumpuan. Pada penghujung tahun 2022, median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) pinjaman perumahan terkumpul kekal stabil pada 65.5% (Jun 2022: 65.3%). Keadaan ini memberikan penampan yang lebih daripada mencukupi bagi peminjam dan bank-bank terhadap penurunan harga rumah. Pemilik rumah[25] terus memacu pertumbuhan keseluruhan untuk pembiayaan perumahan (menyumbang 71.4% kepada pertumbuhan keseluruhan pinjaman perumahan setakat bulan Disember 2022). Sebahagian besar (66.7%) pinjaman ini diberikan kepada pembeli rumah kali pertama.[26] Pembeli rumah kali pertama lazimnya meminjam dengan margin pembiayaan awal yang lebih besar (iaitu, dengan nisbah LTV awal sebanyak 90% dan ke atas). Meskipun hal ini boleh meningkatkan akses kepada pinjaman

[22] Setakat S4 2022, jumlah purata yang dibelanjakan oleh pemegang akaun BNPL yang aktif ialah RM545.20.

[23] Bank telah mengeluarkan surat perundingan mengenai BNPL pada bulan Oktober 2022 kepada bank-bank dan IKP yang ditetapkan untuk mendapatkan maklum balas mengenai penambahbaikan pada Dokumen Dasar Pembiayaan Bertanggungjawab (Policy Document on Responsible Financing, PDRF) dan Dokumen Dasar Pembiayaan Peribadi (Policy Document on Personal Financing, PDPF) yang berkaitan dengan BNPL. Penerbitan PDRF dan PDPF yang disemak semula ini dijadualkan pada separuh pertama tahun 2023.

[24] CCA juga akan membuka jalan bagi penubuhan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (Consumer Credit Oversight Board, CCOB) sebagai pihak berkuasa berwibawa bebas untuk menyelia penyedia kredit pengguna dan penyedia perkhidmatan kredit. Rang undang-undang CCA dijangka dibentangkan di Parlimen pada separuh kedua tahun 2023.

[25] Diwakili oleh peminjam individu yang mempunyai satu pinjaman perumahan.

[26] Diwakili peminjam individu yang tiada rekod pinjaman perumahan yang tertunggak atau pinjaman yang sudah diselesaikan sebelum permohonan pinjaman perumahan baharu diluluskan.

perumahan, risiko pinjaman untuk jatuh ke dalam ekuiti negatif[27] juga akan meningkat jika keadaan ekonomi bertambah buruk, lantas menjejaskan daya tahan bank-bank dan isi rumah jika ekonomi semakin merosot. Jaminan[28] pinjaman perumahan dan penilaian kemampuan pinjaman yang dijalankan oleh bank-bank terus memainkan peranan penting bagi mengurangkan risiko kredit yang berkaitan dengan pinjaman tersebut. Sesetengah bank juga telah mengukuhkan penilaian kemampuan pinjaman mereka untuk mengambil kira kemungkinan kenaikan selanjutnya dalam kadar faedah. Kesannya, walaupun margin pembiayaan awal adalah lebih tinggi, median DSR untuk pembiayaan rumah yang baru diberikan kekal berhemat pada 50.9% iaitu di bawah purata tahun 2015–2019 sebanyak 54.8%.

Risiko kredit dalam kalangan pelabur harta tanah individu,[29] yang lebih berkemungkinan untuk mungkir jika nilai gadai janji mereka jatuh ke paras ekuiti negatif atau jika pendapatan sewaan mereka hilang, kekal terhad. Pertumbuhan pinjaman dalam segmen ini telah menjadi sedikit perlahan (2022: 5.2%; 2021: 5.6%). Bank-bank juga terus mengekalkan standard pemberian pinjaman yang berhemat ketika membiayai peminjam dalam segmen ini. Sebahagian besar (88.4%) pinjaman baharu telah diberikan kepada pelabur harta tanah individu yang berpendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM5,000. Median pendapatan golongan peminjam ini (RM10,275) ialah hampir sekali ganda median pendapatan pemilik rumah (RM5,452), yang menunjukkan keupayaan membayar balik pinjaman dan penampan kewangan mereka yang lebih baik. Median nisbah LTV bagi pinjaman perumahan tertunggak pelabur harta tanah individu kekal berhemat pada 62.0%. Prestasi pinjaman dalam segmen ini kekal baik, dengan hanya 1.1% daripada jumlah pinjaman berada dalam kedudukan ekuiti negatif.

Daya tahan isi rumah secara keseluruhan kekal utuh dalam keadaan kos pinjaman yang meningkat, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang kukuh

Bayaran balik pinjaman tidak mengikut jadual (*missed loan repayment*) oleh isi rumah meningkat sedikit disebabkan oleh peningkatan kos pinjaman dan kos sara hidup dalam persekitaran semasa. Hal ini sebahagian besarnya dijangkakan. Nisbah pinjaman terjejas isi rumah juga meningkat sedikit, manakala nisbah pinjaman delinkuen dijangka kembali normal menghampiri tahap sebelum pandemik apabila lebih ramai peminjam keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman (nisbah purata 2015–2019: masing-masing 1.0% dan 1.3%) (Rajah 1.13). Bank-bank menjangkakan nisbah pinjaman terjejas akan meningkat secara sederhana pada tahun 2023, didorong terutamanya oleh tekanan kewangan dalam kalangan peminjam isi rumah yang mudah terjejas, terutamanya kumpulan yang berpendapatan lebih rendah dan individu yang bekerja sendiri atau bekerja dalam sektor ekonomi yang masih sedang pulih daripada pandemik. Bantuan bayaran balik pinjaman yang khusus kekal tersedia untuk membantu peminjam tersebut di samping bantuan pengurusan kewangan peribadi yang disediakan melalui AKPK bagi membantu mereka mencapai kedudukan kewangan yang lebih kukuh.

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[27] Iaitu pinjaman perumahan tertunggak melebihi nilai cagaran, dalam kes ini, harga rumah.
[28] Terdiri daripada skim jaminan yang ditawarkan oleh Cagamas Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP). Secara keseluruhan, pinjaman perumahan yang diluluskan di bawah skim jaminan ini menyumbangkan 3.8% daripada jumlah pinjaman perumahan dalam sistem perbankan.
[29] Pelabur harta tanah individu merujuk peminjam individu yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman perumahan.

Dalam tempoh kadar faedah yang sangat rendah, risiko peminjaman berlebihan boleh meningkat kerana pinjaman menjadi lebih mampu milik. Tinjauan tentang pinjaman berkadar terapung baharu yang dikeluarkan antara bulan Julai 2020 dan bulan April 2022 (ketika OPR berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan, iaitu 1.75%) mengesahkan bahawa pinjaman ini terus dibayar balik tepat pada masanya berikutan kenaikan OPR berturut-turut. Trend bayaran balik bagi pinjaman berkadar terapung baharu yang diambil dalam tempoh ini umumnya selaras dengan trend yang diperhatikan bagi semua jenis pinjaman isi rumah yang lain. Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen dalam kalangan pinjaman baharu juga kekal lebih rendah daripada purata sektor isi rumah, kedua-duanya masing-masing pada kadar 0.5%. Keadaan ini menunjukkan bank-bank terus mengamalkan kehematan dalam menjalankan penilaian kemampuan.

Sehingga bulan Disember 2022, bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 oleh bank-bank terus bertambah baik kepada 6.7% (Jun 2022: 8.0%), sejajar dengan penurunan berterusan hutang isi rumah di bawah bantuan bayaran balik pinjaman (Disember 2022: 1.9%; Jun 2022: 3.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP). Kebanyakan peminjam yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah menyambung semula membayar pinjaman mereka tanpa kesukaran. Nisbah pinjaman delinkuen dan terjejas dalam kalangan peminjam ini, walaupun lebih tinggi daripada keseluruhan pinjaman isi rumah, kekal rendah, masing-masing pada 1.4% dan 1.8%. Trend pinjaman Tahap 2 dijangkakan terus bertambah baik pada tahun 2023 apabila lebih ramai peminjam Tahap 2 yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman melengkapkan tempoh pemantauan minimum membayar pinjaman (biasanya enam bulan, tetapi beberapa bank memantau dalam tempoh yang lebih lama, iaitu sehingga 12 bulan) sebelum pinjaman mereka dikelaskan semula sebagai Tahap 1. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, bank-bank kekal berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya peningkatan risiko kredit yang disebabkan oleh peminjam yang mempunyai beban khidmat hutang yang lebih tinggi, serta peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman. Bank-bank terus berinteraksi dan berbincang dengan kumpulan peminjam ini secara aktif.

Aset kewangan isi rumah terus berkembang pada kadar yang lebih perlahan daripada hutang isi rumah pada separuh kedua tahun 2022 (1.0%; Jun 2022: 0.2%, purata 2015-2019: 6.1%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah dan pertumbuhan simpanan dalam akaun deposit yang lebih perlahan (Rajah 1.14). Walaupun demikian, isi rumah terus memegang aset kewangan melebihi hutang, dengan nilai agregat aset kewangan kekal stabil pada 2.1 kali daripada jumlah hutang isi rumah (Jun 2022: 2.1 kali; Disember 2019: 2.2 kali). Walaupun situasi ini terus menyokong daya tahan isi rumah secara keseluruhan, kelemahan yang semakin meningkat mula muncul dalam kalangan peminjam isi rumah yang mempunyai leveraj yang tinggi dan mempunyai penampan kewangan yang terhad, terutamanya dengan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat dalam persekitaran semasa. Sebagai contoh, 51.5% atau 6.67 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah umur 55 tahun mempunyai simpanan yang sangat rendah iaitu kurang daripada RM10,000 dalam akaun simpanan KWSP mereka.[30] Malah, tinjauan oleh RinggitPlus baru-baru ini mendedahkan bahawa pada tahun 2022, 70% rakyat Malaysia menyimpan kurang daripada RM500 sebulan atau tidak menyimpan langsung (2021: 52%). Sementara itu, 63% responden menyatakan bahawa mereka hanya mampu bertahan selama 3 bulan atau kurang dengan wang simpanan mereka (2021: 50%).[31]

Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[30] '6.67 juta ahli KWSP mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000: Ketua pegawai strategi'. New Straits Times. (https://www.nst.com.my/business/2023/01/873081/667mil-epf-members-have-less-rm10000-savings-chief-strategy-officer)

[31] Berdasarkan RinggitPlus Malaysian Financial Literacy Survey 2022 (https://ringgitplus.com/en/blog/wp-content/uploads/2022/12/RMFLS-2022-Survey-Report-FINAL.pdf).

Oleh sebab itu, pengekalan standard pemberian pinjaman yang kukuh dan pembinaan semula penampan isi rumah akan terus menjadi penting.

Konsisten dengan kajian terdahulu oleh Bank, keupayaan membayar hutang oleh peminjam isi rumah kekal paling terjejas oleh kejutan pendapatan dan pekerjaan, dan bukannya peningkatan kos pinjaman. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank menunjukkan bahawa jika peminjam menghadapi kejutan pasaran pekerja yang teruk, dengan kadar pengangguran meningkat setinggi 6.0%, hingga 4.3% daripada dedahan pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan mungkin berisiko mungkir menjelang akhir tahun 2025.[32] Namun, keadaan ini masih boleh disokong oleh lebihan penampan modal bank-bank. Seperti yang dijangkakan, sebahagian besar (65%) peminjam isi rumah berisiko mempunyai pendapatan di bawah RM5,000 sebulan. Walau bagaimanapun, ujian tekanan terkini juga menunjukkan bahawa peminjam yang berpendapatan antara RM5,000 dan RM10,000 sebulan juga mungkin akan mudah terdedah pada tekanan kewangan di bawah situasi kejutan ekonomi yang teruk, yang mencerminkan pengurangan penampan dalam tempoh yang lebih terkini dalam kalangan isi rumah ini. Oleh itu, peningkatan dalam pendapatan dan prospek pekerjaan kekal penting dalam menyokong keupayaan membayar hutang isi rumah pada masa hadapan. Selain kejutan ekonomi yang teruk, peminjam isi rumah dinilai mampu berdaya tahan secara umumnya terhadap kenaikan kos pinjaman. Situasi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh komposisi hutang mereka, kerana separuh daripada jumlah akaun pinjaman isi rumah adalah pada terma kadar tetap yang tidak terkesan dengan perubahan OPR (Rajah 1.15). Kesan kos pinjaman yang lebih tinggi terhadap keupayaan membayar hutang berbeza mengikut kumpulan pendapatan. Bagi peminjam yang berpendapatan lebih rendah, bahagian akaun pinjaman berkadar tetap mereka yang lebih besar membantu mengurangkan kesan segera kos peminjaman yang lebih tinggi berbanding dengan peminjam lain.

Walaupun sesetengah peminjam masih terus mengalami masalah kewangan kerana pemulihan yang tidak sekata dan kos sara hidup yang semakin meningkat, kes kebankrapan yang lebih rendah direkodkan pada tahun 2022 (5,695 kes; 2021: 6,554 kes).[33] Keadaan ini merupakan kesan pelbagai faktor, termasuk nilai ambang kebankrapan yang dinaikkan kepada RM100,000 daripada RM50,000, berkuat kuasa pada bulan September 2021.[34] Bagi bank-bank, tindakan kebankrapan juga kekal sebagai jalan terakhir kerana mekanisme penyelamat lain ada tersedia. Hal ini termasuk rujukan kepada AKPK, serta perkhidmatan Pengaturan Sukarela yang ditawarkan oleh AKPK yang membantu peminjam yang mengalami tekanan kewangan untuk mengawal semula kewangan mereka. Pendaftaran dalam Program Pengurusan Kredit yang ditawarkan oleh AKPK meningkat kepada 34,670 peminjam pada tahun 2022 berbanding dengan 23,711 pada tahun 2021 (Rajah 1.16). Peminjam tertekan juga terus memanfaatkan program bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank mereka.

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Bahagian Akaun Pinjaman Berkadar Tetap dan Berkadar Terapung Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: Tidak termasuk kad kredit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Program Pengurusan Kredit yang Diluluskan oleh AKPK



Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

[32] Rujuk Bab 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk butiran lanjut.

[33] Statistik Kebankrapan 2022 (https://www.mdi.gov.my/index.php/ms/perundangan/statistik/75-kebankrapan/1983-statistik-kebankrapan-2022).

[34] Nilai ambang kebankrapan di bawah Seksyen 5(1)(a) Akta Insolvensi 1967 telah dinaikkan kepada RM100,000 daripada RM50,000 berkuat kuasa 1 September 2021. Sebelum ini, nilai ambang kebankrapan telah dinaikkan sementara kepada RM100,000 daripada RM50,000 berkuat kuasa pada bulan Oktober 2020 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah Kediaman

Aktiviti dalam pasaran perumahan terus kukuh berikutan kegiatan ekonomi yang kembali pulih dan keadaan guna tenaga yang bertambah baik. Urus niaga pasaran harta tanah terus berlegar di atas paras sebelum pandemik pada separuh kedua tahun 2022, dan sebahagian besarnya didorong oleh urus niaga bagi pembelian harta tanah berharga RM500,000 dan ke bawah (Rajah 1.17). Kesannya, trend pertumbuhan harga rumah[35] meningkat ke arah purata jangka panjangnya (S3 2022: 5.1%; ST1 2022: 2.5%; purata 2015-2019: 5.3%). Walaupun tekanan inflasi dan kos pinjaman meningkat, aktiviti dalam pasaran perumahan dijangka dapat mengekalkan momentum pemulihannya, disokong oleh keadaan pendapatan dan perniagaan yang beransur-ansur pulih, serta langkah-langkah dasar. Langkah dasar tersebut merangkumi lanjutan pengecualian penuh duti setem untuk harta tanah berharga RM500,000 dan ke bawah, dan diskaun duti setem sebanyak 75% bagi harta tanah yang berharga melebihi RM500,000 hingga RM1 juta.

Namun, pasaran perumahan terus menghadapi risiko pertumbuhan menjadi perlahan akibat ketidakseimbangan permintaan dan penawaran yang berterusan. Bilangan unit rumah yang tidak terjual berada pada trend menurun, tetapi kekal tinggi berbanding purata yang pernah dicatatkan (151,683; S4 2021 (kemuncak): 183,918; purata 2015-2019: 130,210) (Rajah 1.18).[36] Hampir dua pertiga daripada unit-unit ini masih tidak terjual selepas tiga tahun, dan sebahagian besarnya disebabkan oleh paras harga yang berada di luar kemampuan isi rumah, terutamanya di negeri-negeri utama. Namun begitu, kadar pembelian yang perlahan bagi unit-unit ini tidak dijangka akan menekan kenaikan harga rumah secara material, memandangkan unit-unit ini tidak banyak tertumpu di kawasan utama atau projek. Jumlah projek dengan unit tidak terjual yang banyak (iaitu kadar tidak terjual melebihi 80%) mencakupi hanya 10% daripada jumlah projek dengan unit tidak terjual. Situasi ini mengurangkan risiko segolongan besar pemaju untuk memotong harga dengan meluas dan banyak bagi mengurangkan stok tidak terjual, yang boleh memberikan kesan limpahan lebih meluas kepada pasaran perumahan. Sementara itu, bekalan baharu harta kediaman yang baru dilancarkan terus berganjak ke arah segmen pasaran umum (*mass market*), dengan harta tanah yang berharga RM300,000 dan ke bawah mencakupi bahagian yang lebih tinggi (44.3%; 2021: 38.4%; purata 2015-2019: 35.2%). Keadaan ini merupakan perkembangan positif dalam membantu mengurangkan lagi risiko ketidakseimbangan permintaan dan penawaran.

Rajah 1.17: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

[35] Seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia.
[36] Terdiri daripada unit telah siap yang tidak terjual dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan (masing-masing 35.6% dan 64.4% daripada jumlah unit tidak terjual) untuk kediaman, pangsapuri servis dan unit *small office, home office* (SOHO).

Aktiviti pembiayaan untuk pembelian harta kediaman bertambah baik sejajar dengan aktiviti pasaran. Permohonan pinjaman meningkat pada separuh kedua tahun 2022 dalam kesemua julat harga (Rajah 1.19). Menerusi tingkah laku bayaran balik pinjaman yang lebih jelas, bank-bank lebih bersedia untuk meluluskan pinjaman perumahan sambil melaksanakan penilaian kemampuan pinjaman yang berhemat. Hal ini telah menyebabkan kadar kelulusan keseluruhan pulih melebihi paras purata sebelum pandemik (76.4%; 2021: 73.4%; purata 2015-2019: 75.9%).

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Unit Perumahan Tidak Terjual



Nota: Angka termasuk unit tidak terjual yang telah siap dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan untuk kediaman, pangsapuri berperkhidmatan dan unit *small office, home office* (SOHO).

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.19: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Harga



Nota: Data pinjaman/pembiayaan bermula tahun 2021 dan seterusnya adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

RISIKO OPERASI

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi meskipun menghadapi cabaran

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi tanpa sebarang gangguan yang besar di seluruh sistem pada separuh kedua tahun 2022. Kerugian risiko operasi kekal kecil berbanding dengan modal dan keuntungan sektor perbankan (masing-masing 0.04% dan 0.4%). Walau bagaimanapun, peningkatan bilangan insiden penipuan berkaitan pembayaran di luar dan di dalam negeri menggariskan tentang jenayah siber yang semakin membimbangkan. Hal ini berikutan serangan siber yang semakin kerap dan mengakibatkan kos yang semakin tinggi untuk pihak yang terjejas serta ekonomi secara meluas. Di Malaysia, sebanyak 19,165 kes penipuan perbankan dalam talian melibatkan RM94.6 juta dilaporkan oleh pelanggan institusi kewangan pada separuh kedua tahun 2022. Nilai ini merupakan peningkatan daripada 9,735 kes berjumlah RM39.9 juta yang dilaporkan pada separuh pertama tahun 2022.

Usaha memerangi jenayah siber memerlukan pendekatan yang komprehensif dan terselaras antara pengawal selia, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan sektor swasta. Pada peringkat antarabangsa, Financial Action Task Force (FATF)[37] memperakui keperluan ini dan telah memulakan inisiatif baharu yang memberikan tumpuan pada isu penipuan dan perisian tebusan yang digerakkan oleh siber. Inisiatif ini termasuk penerbitan laporan mengenai trend dan kaedah terkini serta saranan untuk mengekang aktiviti perisian tebusan secara berkesan. Selain itu, beberapa pengawal selia kewangan telah mengeluarkan panduan penyeliaan kepada institusi kewangan untuk memperkukuh kawalan bagi menghadapi penipuan perbankan dalam talian. Pada masa yang sama, beberapa kerajaan telah menerajui kempen antipenipuan peringkat kebangsaan untuk mempertingkatkan kesedaran pengguna.[38] Di Malaysia dan beberapa negara lain, pusat antipenipuan kebangsaan telah ditubuhkan dalam usaha memusatkan tindak balas yang pantas dan berkesan terhadap penipuan dalam talian.

Bank Negara Malaysia dan industri kewangan terus menggiatkan usaha yang sedang dijalankan untuk mendidik orang ramai mengenai langkah-langkah keselamatan siber (*cyber hygiene*) yang memainkan peranan penting untuk mencegah penipuan. Selain itu, Bank menghendaki semua institusi perbankan untuk memperketat langkah-langkah tambahan terhadap penipuan kewangan yang semakin canggih dan sentiasa berubah-ubah yang mengambil kesempatan ke atas tingkah laku sosial yang meningkatkan kelemahan kepada penipuan.[39] Langkah-langkah ini termasuk keperluan bagi bank-bank mempercepat peralihan daripada penggunaan kata laluan sekali sahaja (*one-time password*, OTP) yang berasaskan khidmat pesanan ringkas (*short messaging service*, SMS) kepada kaedah pengesahan yang lebih selamat untuk aktiviti atau transaksi dalam talian menjelang bulan Jun 2023. Bank-bank juga dikehendaki untuk melaksanakan langkah-langkah perlindungan yang lain termasuk:

- mengeluarkan semua pautan boleh diklik dalam komunikasi SMS dan e-mel;
- mengehadkan peranti yang digunakan oleh pelanggan untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian kepada satu peranti mudah alih;
- memperkukuh proses untuk mendaftarkan peranti mudah alih baharu dan menukar "peranti selamat";
- memperketat peraturan pengesanan dan pencetus penipuan untuk menyekat transaksi yang mencurigakan; dan
- mempertingkatkan keselamatan siber (*cyber hygiene*) bagi peranti pelanggan yang digunakan untuk perkhidmatan perbankan atau pembayaran dalam talian.

Setakat bulan Disember 2022, semua institusi perbankan utama telah menawarkan kaedah pengesahan alternatif dan memindahkan semua pelanggan mereka secara berperingkat kepada kaedah yang lebih selamat. Bank-bank juga terus memperhalus dan menambah baik langkah-langkah

[37] FATF ialah badan pemerhati global aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Badan antara kerajaan ini merumuskan piawaian antarabangsa yang bermatlamat untuk mencegah aktiviti haram dan mudarat yang diakibatkan oleh aktiviti ini kepada masyarakat. Sebagai badan perumus dasar, FATF berusaha mewujudkan hasrat politik (*political will*) yang diperlukan untuk menghasilkan pembaharuan perundangan negara dan pengawalseliaan dalam bidang ini.

[38] Contohnya, kempen "Take Five to Stop Fraud" di United Kingdom dan "Stay Smart Online" oleh kerajaan Australia.

[39] Langkah-langkah tambahan yang diambil untuk membanteras peningkatan penipuan berkaitan perbankan dalam talian disenaraikan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 Bank Negara Malaysia.

keselamatan yang lain. Langkah-langkah ini termasuk mempertingkatkan proses pengesahan untuk pendaftaran peranti mudah alih, melaksanakan pengesahan panggilan, menambah baik peraturan pengesanan penipuan secara berterusan untuk menyekat transaksi yang mencurigakan, serta menjalankan pemantauan secara berterusan untuk mengesan dan menurunkan laman sesawang palsu dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain itu, bank-bank yang mempunyai jumlah kes penipuan yang tinggi telah masing-masing melantik Pengarah Kanan Bebas untuk mengawasi pengendalian insiden penipuan dan pencerobohan data serta mengadakan kerjasama dengan Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC) untuk mengesan dan memintas dana yang dicuri. Pada bulan November 2022, industri kewangan turut menubuhkan pasukan petugas untuk merangka strategi dan menyelaraskan pelaksanaan tindakan di seluruh industri yang tepat pada masanya untuk membanteras penipuan kewangan. Perkara ini juga termasuk usaha yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai taktik penipuan serta membiasakan pengguna perbankan dalam talian dengan ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang telah dilaksanakan.

Walaupun kerugian operasi daripada penipuan kewangan pada masa ini tidak menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan, keyakinan orang ramai terhadap bank-bank dan infrastruktur pembayaran boleh terjejas dengan lebih ketara dan tidak menentu jika trend yang semakin meningkat ini dibiarkan. Hal ini memerlukan tindak balas seluruh negara yang terselaras untuk mendidik orang ramai, mengekalkan langkah-langkah pencegahan yang kukuh serta membawa penjenayah ke muka pengadilan.

Institusi kewangan terus mencapai kemajuan yang besar dalam memperkukuh keupayaan pengurusan risiko teknologi secara keseluruhan. Pada tahun 2022, lebih 90% daripada institusi kewangan mencapai tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang dikeluarkan oleh Bank, iaitu peningkatan daripada 35% pada tahun 2020. Berikutan pendigitalan perkhidmatan kewangan yang berterusan, institusi kewangan terus memberikan keutamaan pada pengurusan risiko teknologi dan membuat pelaburan besar untuk menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat (*information technology*, IT). Semua penambahbaikan ini bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi sistem dan ketersediaan perkhidmatan, meningkatkan daya tahan terhadap gangguan operasi serta mengurangkan risiko teknologi yang tidak lagi menerima sokongan atau kemas kini penyelenggaraan (*technology obsolescence*). Penilaian penyeliaan juga menunjukkan terdapat pengawasan yang lebih khusus oleh lembaga pengarah dan pasukan pengurusan kanan untuk memastikan kelangsungan sistem IT mereka, serta sumber untuk menyelenggarakannya, dapat menampung keperluan pada masa ini dan jangkaan pada masa hadapan. Libat urus penyeliaan ini juga akan digunakan untuk mempercepat penutupan sebarang jurang yang berkaitan dengan pengurusan risiko teknologi dan amalan keselamatan siber yang baik.

Bank sedang memberikan keutamaan yang berterusan bagi pengurusan risiko yang berkaitan dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service providers*, TPSP). Walaupun beberapa kemajuan telah dicapai dalam mengurangkan gangguan operasi disebabkan oleh gangguan sistem dan kebocoran data pihak ketiga, masih terdapat

Menyiasat Insiden Penipuan

Proses mengesan, memintas dan usaha mendapatkan semula wang yang dicuri adalah kompleks. Hal ini lazimnya melibatkan masa dan sumber yang banyak, serta memerlukan penyelarasan antara pelbagai agensi, institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi. Paling mustahak, mangsa perlu membuat makluman segera kepada institusi kewangan mereka atau NSRC sebaik sahaja mengesan transaksi tanpa kebenaran atau menyedari yang mereka telah ditipu. Institusi kewangan akan menggunakan maklumat ini untuk menyekat akaun yang terjejas buat sementara dan mula mengesan pergerakan wang. Agensi penguatkuasaan undang-undang seterusnya akan memulakan penyiasatan, mengeluarkan arahan penguatkuasaan yang sewajarnya, dan memburu penjenayah di sebalik sindiket. Meskipun langkah-langkah ini kelihatan mudah, penyiasatan menghadapi cabaran yang besar disebabkan oleh pergerakan wang yang pantas ke dalam pelbagai akaun di bank-bank berbeza disusuli dengan pengeluaran wang tunai secara serta-merta. Jumlah transaksi yang begitu besar juga menyulitkan usaha membezakan antara transaksi yang melibatkan penipuan dengan transaksi yang tulen disebabkan oleh percampuran wang.

keperluan untuk mempertingkatkan kejelasan tentang subkontraktor yang digunakan oleh TPSP, iaitu penyedia perkhidmatan pihak keempat (*fourth-party service providers*, 4PSP), khususnya dengan risiko penumpuan dan penularan yang disebabkan oleh beberapa 4PSP. Bidang risiko yang baharu adalah berkaitan dengan pergantungan dan penumpuan terhadap penyedia perkhidmatan awan (*cloud service provider*) yang semakin meningkat. Bagi memastikan institusi perbankan menilai dan menguruskan risiko sebegini secara teliti dalam strategi awan (*cloud strategy*) mereka, Bank akan mengeluarkan panduan tambahan kepada dokumen dasar RMiT pada separuh pertama tahun 2023 yang akan menggariskan kehendak utama bagi pengurusan risiko teknologi awan untuk institusi kewangan. Bank juga akan melaksanakan rundingan dengan industri pada separuh kedua tahun 2023 untuk menghasilkan senario lazim bagi pelan kesinambungan perniagaan bersama (*business continuity plan*, BCP) seluruh industri dengan TPSP IT yang sangat penting. Langkah selanjutnya sedang dilaksanakan untuk mengendalikan latihan simulasi krisis bersama (*crisis simulation exercises*, CSE) yang melibatkan Bank dan peserta industri terpilih. Latihan ini bertujuan untuk menguji dan terus memperkukuhkan pelan pemulihan dan tindak balas sedia ada oleh institusi kewangan untuk mengurangkan gangguan operasi yang meluas. Secara kolektif, usaha-usaha ini dijangka akan menunjukkan dengan lebih jelas kesalinghubungan penyedia perkhidmatan dan bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko rantaian bekalan dalam sektor kewangan.

Meskipun gangguan operasi berkaitan dengan gangguan sistem dan kebocoran data akibat kegagalan pihak ketiga masih rendah setakat ini, terdapat trend pencerobohan siber yang semakin meningkat yang memerlukan tahap kewaspadaan berterusan. Ancaman utama yang dikenal pasti oleh institusi kewangan termasuk beberapa kes pencerobohan yang berlaku dalam persekitaran penyedia perkhidmatan serta kempen jenayah siber yang semakin canggih seperti perkhidmatan menggunakan perisian tebusan (*malware-as-a-service*) dan kempen pancingan data bersasar. Insiden-insiden ini terus menekankan keperluan untuk mempertingkatkan perkongsian mengenai risikan ancaman siber tepat pada masanya. Sehubungan dengan itu, tujuh institusi kewangan baharu telah menyertai Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP)[40] pada separuh kedua tahun 2022, dengan bilangan entiti yang menyertai rangkaian kini mencapai 40 peserta. FinTIP terus menyokong usaha industri untuk terus mengukuhkan pertahanan siber melalui perkongsian risikan ancaman siber dalam kalangan institusi kewangan. Usaha sedang dijalankan oleh FinTIP untuk mempertingkatkan liputan perkongsian risikan ancaman setempat di luar industri kewangan. Usaha ini dicapai melalui kerjasama dengan agensi keselamatan siber tempatan untuk mengumpul risikan ancaman masa nyata dan dipertingkatkan untuk penilaian landskap ancaman yang lebih tepat pada masanya.

Institusi kewangan terus mengenal pasti risiko siber sebagai risiko utama yang dihadapi oleh industri pada tahun 2023 berikutan pendigitalan dan penggunaan teknologi dalam kewangan yang semakin berkembang serta pengaturan pekerjaan dari jarak jauh secara meluas yang meningkatkan kemungkinan berlakunya eksploitasi terhadap kelemahan. Hal ini dijangka mengekalkan tumpuan institusi kewangan pada usaha yang lebih utama untuk mengukuhkan daya tahan siber.[41] Risiko operasi utama lain yang dikenal pasti oleh institusi kewangan pada masa hadapan termasuk ketidakpatuhan pengawalseliaan, persaingan untuk mendapatkan tenaga kerja mahir penting serta risiko berkaitan dengan penyumberan luar (Gambar Rajah 1.1).

[40] FinTIP ialah platform teknologi bagi institusi kewangan tempatan untuk berkongsi risikan ancaman keselamatan siber dan amalan yang terbaik dengan pantas.
[41] Berdasarkan Emerging Operational Risk Survey 2022/2023 yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia.

Gambar Rajah 1.1: Risiko Operasi Utama dan Tindakan Mengurangkan Risiko



Ancaman siber

- Proses pengurusan TPSP yang mantap untuk pengenal-pastian, penilaian dan pengurusan risiko yang berterusan
- Pelaksanaan arkitektur tiga peringkat yang diperkukuh dengan peranti keselamatan seperti sistem pencegahan pencerobohan *(intrusion prevention systems,* IPS) dan sistem pengesan pencerobohan (*intrusion detection systems*, IDS)
- Ujian penembusan tahunan dan pemantauan keselamatan 24/7, perlindungan DDoS, kawalan akses, pengurusan tampalan dan insurans siber
- Pendidikan dan kesedaran keselamatan yang berterusan serta latihan keselamatan khusus dan pensijilan bagi kakitangan IT



Ketidakpatuhan kawal selia

- Analisis jurang secara berkala dan laporan tentang pengecualian kepada pihak pengurusan kanan dan lembaga pengarah
- Penilaian yang tepat pada masa tentang keperluan pengawalseliaan pematuhan baharu menggunakan pendekatan berasaskan risiko
- Mempertingkatkan prosedur dalaman untuk memperkenalkan pengasingan tugas, semakan bebas, kawalan akses sistem bersegmen dan proses pemberian kuasa berbilang peringkat
- Pelan tindakan untuk menyokong pengurusan risiko kelestarian seperti menilai semula portfolio pelaburan dan memperkenalkan dana tenaga hijau



Persaingan mendapatkan tenaga kerja mahir

- Kajian penandaarasan bagi meningkatkan pengambilan dan pengekalan tenaga mahir
- Mempertingkatkan pengurusan tenaga mahir dan pelan penggantian



Risiko berkaitan penyumberan luar

- Memperkukuh proses dalaman untuk penyumberan luar dan pengurusan risiko pihak ketiga
- Menubuhkan jawatankuasa kerja dengan penyedia perkhidmatan untuk memantau pematuhan terhadap perjanjian tahap perkhidmatan (*service level agreement*, SLA)
- Mesyuarat secara berkala dengan penyedia perkhidmatan untuk membincangkan isu-isu dan hasil kerja
- Pengawasan secara berkala oleh jawatankuasa risiko tentang pengaturan penyumberan luar dengan sumber khusus, tadbir urus yang sesuai serta daftar risiko yang dikemas kini secara berkala
- Memastikan penyedia perkhidmatan mengekalkan pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plans*, BCP) dan pelan pemulihan bencana (*disaster recovery plans*, DRP) yang mencukupi



Ralat manusia dalam melaksanakan tugas

- Memperkukuh kawalan dalaman dan mengautomasikan proses manual yang terdedah kepada ralat manusia
- Memantapkan pemahaman tentang punca utama bagi membangunkan proses dan kawalan yang lebih berkesan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem pembayaran dan penyelesaian terus berada pada tahap ketersediaan sistem yang tinggi

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)[42] dan sistem pembayaran runcit (*retail payment system*, RPS) utama terus berada pada tahap ketersediaan sistem yang tinggi, tanpa sebarang insiden siber dikesan pada separuh kedua tahun 2022.

Bagi memastikan ketersediaan sistem yang tinggi, Bank dan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) sebagai pengendali sistem pembayaran, masing-masing untuk RENTAS dan RPS utama, terus mempertingkatkan langkah kawalan untuk mengekalkan tahap daya tahan yang kukuh terhadap ancaman siber, mengukuhkan pengurusan penyedia perkhidmatan yang sangat penting (*critical service providers*, CSP) dan terus menambah baik pengurusan kesinambungan perniagaan (*business continuity management*, BCM):

- Pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan untuk terus mengukuhkan keupayaan pertahanan dan tindak balas siber oleh Bank dan PayNet.
- RENTAS dan Sistem Pembayaran Yang Ditetapkan (Designated Payment System, DPS) tertakluk kepada keperluan BCM yang dipertingkatkan berikutan penerbitan kehendak BCM yang lebih mantap oleh Bank pada bulan Disember 2022. Keperluan yang dipertingkatkan bersama-sama dengan ujian secara langsung dan senario BCP yang dijalankan dengan jayanya pada tahun 2022, akan terus mengukuhkan tindak balas sekiranya berlaku gangguan; dan
- Selaras dengan saranan Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI),[43] pengendali

[42] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

[43] Lampiran F Principles for Financial Market Infrastructures yang diterbitkan oleh CPMI menggariskan lima kehendak pengawasan untuk penyedia perkhidmatan yang sangat penting, iaitu pengenalpastian dan pengurusan risiko, keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan daya tahan, perancangan teknologi dan komunikasi dengan pengguna.

RENTAS dan RPS juga mempertingkatkan dasar dan prosedur untuk pengurusan CSP yang lebih kukuh. Hal ini termasuk penambahbaikan dalam proses tadbir urus dan pemantauan, usaha wajar yang lebih baik dan penilaian terpilih di premis CSP.

Berkuat kuasa 10 Februari 2023, Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) telah ditetapkan sebagai sistem pembayaran yang di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Penetapan ini memberikan Bank lebih banyak kuasa di bawah undang-undang untuk mengeluarkan arahan kepada peserta RPP dan mengambil alih operasi RPP dalam keadaan tertentu bagi melindungi kestabilan kewangan dan perkhidmatan pembayaran yang sangat penting.

Kecerdasan Buatan dalam Sistem Kewangan Malaysia: Peluang, Risiko, dan Langkah Seterusnya

Pengenalan

Kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin (*artificial intelligence and machine learning*, AI/ML) telah semakin matang sejak beberapa tahun kebelakangan, dengan solusi nyata dan berkesan yang diaplikasikan dalam pelbagai industri.

Impak dan potensi transformatif AI/ML bagi perniagaan disumbangkan oleh beberapa faktor seperti penemuan baharu dalam algoritma dan teknik AI/ML, ketersediaan sumber data yang lebih meluas serta kemajuan dalam kuasa pengkomputeran. Pada masa yang sama, kumpulan tenaga mahir dan kepakaran dalam bidang teknologi yang semakin besar, infrastruktur awan yang mudah diskala, dan penyelesaian berkos rendah (contohnya, teknologi sumber terbuka) juga telah mengurangkan cabaran dalam penggunaan AI/ML, lantas mempercepatkan penerapannya.

AI/ML menjanjikan peluang baharu dalam kewangan...

Dalam bidang perkhidmatan kewangan, penggunaan teknik AI/ML yang lebih meluas menawarkan peluang baharu bagi menambah baik pengalaman pelanggan dan penawaran produk, terutamanya melalui pengkhususan produk pada skala besar serta penyediaan khidmat yang lebih cepat dan mudah. AI/ML turut membantu memberikan pemahaman baharu kepada penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service providers,* FSP) untuk membuat keputusan yang lebih baik, di samping mengautomasikan proses mereka. Hasilnya, semua peluang ini berpotensi untuk membantu FSP menguruskan risiko dengan lebih baik, meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti serta mengurangkan kos.

Pada tahun 2021, Bank menjalankan kaji selidik awal mengenai penggunaan AI/ML oleh FSP dengan 25 responden yang terdiri daripada bank-bank, penanggung insurans dan pengendali pembayaran di Malaysia. Responden dipilih berdasarkan saiz dan rekod pencapaian inisiatif digital mereka serta keahlian dalam Kumpulan Pelaksanaan API Terbuka.[1] Gambar Rajah 1 mengambil kira kes penggunaan sebenar dan berpotensi bagi AI/ML yang dikenal pasti oleh responden, yang merentas pelbagai fungsi dan bidang perniagaan.

Kaji selidik mendapati bahawa banyak FSP di Malaysia sememangnya telah aktif menggunakan teknik AI/ML dan masih banyak inisiatif yang sedang dibangunkan. Pada masa ini, AI/ML paling lazim digunakan dalam bidang analisis data dan libat urus pelanggan, serta untuk proses kenali pelanggan anda secara elektronik (*electronic know your customer*, e-KYC) dan pendaftaran (*onboarding*) pelanggan secara digital. Beberapa institusi perbankan juga melengkapkan proses pengunderaitan kredit mereka dengan teknik AI/ML untuk produk pembiayaan terpilih. Kepekaan risiko yang lebih tinggi bagi model AI/ML ini menggalakkan dedahan berhemat terhadap peminjam berisiko lebih tinggi, dan penyediaan perkhidmatan yang lebih mudah diakses kepada pelanggan yang layak tetapi masih tidak menerima perkhidmatan perbankan. Kaji selidik juga menunjukkan minat yang tinggi dan sokongan yang padu daripada pengurusan kanan dan lembaga pengarah FSP. Kira-kira separuh daripada responden menganggap penggunaan AI/ML sebagai pengubah keadaan (*game changer*) yang berpotensi untuk mengubah cara mereka menjalankan perniagaan, dan sudah pun berusaha mencari peluang baharu di luar kes kegunaan termaklum dan projek AI/ML semasa. Gambar Rajah 2 memaparkan secara ringkas dapatan utama daripada kaji selidik tersebut.

[1] Ditubuhkan oleh Bank pada tahun 2018 untuk menggalakkan penyeragaman *Application Programming Interface* (API) Terbuka, yang akan meningkatkan akses pihak ketiga kepada data. Usaha ini turut disokong oleh rangka kerja keselamatan, undang-undang dan tadbir urus yang diperlukan untuk melindungi data pelanggan dan sistem teras institusi kewangan.

Gambar Rajah 1: Contoh Kes Penggunaan AI/ML dalam Perkhidmatan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Ringkasan Dapatan Terpilih

Kebanyakan FSP sedang menggunakan atau membangunkan projek AI/ML secara aktif...



21 daripada **25** FSP mempunyai sekurang-kurangnya satu projek AI/ML yang digunakan secara aktif



23 daripada **25** FSP mempunyai sekurang-kurangnya satu projek AI/ML yang sedang dibangunkan

...terutamanya untuk analisis dan penglibatan pelanggan serta KYC

	Projek AI/ML Utama	Bil. FSP mengikut penggunaan AI/ML
Bank	AML dan pengesanan penipuan	13
Bank	KYC/Pendaftaran digital	12
Bank	Analisis dan penglibatan pelanggan	8
Bank	Pengunderaitan/ penilaian	8
ITO	Analisis dan penglibatan pengguna	2
ITO	Sumber Manusia	2
ITO	Pengurusan Risiko Teknologi	2
E-MI	KYC/Pendaftaran digital	3
E-MI	Analisis dan penglibatan pelanggan	2

Digerakkan oleh pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah FSP



Sumber: Bank Negara Malaysia

...dan risiko yang perlu diuruskan dengan teliti

Walau bagaimanapun, pengenalan dan penggunaan AI/ML yang lebih meluas juga menimbulkan beberapa risiko yang perlu diuruskan oleh sektor kewangan. Kaji selidik menunjukkan beberapa risiko dan kebimbangan utama AI/ML yang telah dikenal pasti oleh FSP (lihat Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Risiko dan Kebimbingan yang Dikenal Pasti dalam Penerapan AI/ML



Sumber: Bank Negara Malaysia

Responden kaji selidik menyatakan bahawa pengesahan model merupakan kebimbangan utama bagi FSP. Risiko model ialah risiko kegagalan model untuk memberikan hasil yang tepat. Memandangkan kebanyakan model dan algoritma AI/ML jauh lebih kompleks berbanding dengan model linear tradisional, keputusan yang dijana mungkin sukar untuk dijelaskan dan disahkan. Kesukaran untuk memahami sistem dalaman AI/ML juga boleh melambatkan pengesanan sebarang kesilapan atau ketidaktepatan *(inaccuracies)*. Pengesahan model yang tepat pada masanya, yang menggabungkan algoritma yang dilatih menggunakan set data terkini, adalah penting untuk menguruskan risiko model dan mengekalkan keupayaan ramalan model. Tanpa proses pengesahan ini, prestasi model lazimnya menurun mengikut peredaran masa serta boleh menyebabkan ramalan yang tidak tepat atau kesilapan yang lebih besar daripada jangkaan, sekali gus menjadikan keputusan yang terhasil daripada model ini tidak boleh dipercayai. Hal ini boleh mengakibatkan hasil yang tidak diingini seperti kerugian kewangan atau keputusan yang berat sebelah atau tidak adil yang memberikan kesan negatif kepada pelanggan, dan seterusnya mendedahkan FSP kepada risiko reputasi dan undang-undang.

Satu lagi aspek utama dalam pengesahan model berkait dengan pengurusan data dan jaminan kualiti data. Sesetengah sistem AI/ML memerlukan jumlah data yang besar termasuk data transaksi berkepantasan tinggi daripada pelbagai sumber. Hal ini memerlukan tadbir urus data enterpris yang mantap bagi memastikan data yang diyakini dan berkualiti. Penggunaan rangkaian data yang lebih luas, termasuk data peribadi, juga menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan dan privasi data. Menurut kaji selidik awal mengenai kepercayaan pengguna yang dijalankan oleh Bank pada tahun 2021,[2] keselamatan dan privasi merupakan penentu paling penting berhubung dengan kesanggupan pengguna untuk berkongsi data peribadi dengan institusi kewangan (Lihat Gambar Rajah 4).

Gambar Rajah 4: Penentu Kepercayaan Pengguna dalam Berkongsi Data di Malaysia



*Peratusan berdasarkan item yang dipilih sebagai 3 item teratas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara amnya, peningkatan penggunaan AI/ML oleh FSP berpotensi menimbulkan risiko baharu terhadap kestabilan kewangan, terutamanya jika model tidak ditentukur dengan baik atau digunakan secara tidak wajar. Contoh hasil yang tidak diingini termasuk meminggirkan kumpulan pengguna tertentu, mengurangkan daya tahan operasi, atau menggandakan kejutan kewangan daripada tingkah laku yang dipacu algoritma. Risiko

[2] Kaji selidik bertajuk "Tinjauan Keyakinan Pengguna" telah diterbitkan kepada orang ramai pada bulan Disember 2021. Kaji selidik itu mengumpulkan 413 maklum balas daripada individu daripada semua peringkat umur, kumpulan pendapatan dan tahap pendidikan.

sedemikian ketika ini kekal rendah berdasarkan sifat dan tahap penggunaan AI/ML oleh FSP. Kebanyakan FSP juga menggunakan pendekatan pelaksanaan AI/ML yang cermat dan berhati-hati. Sebagai contoh, pelaksanaan AI/ML untuk pengunderaitan kredit biasanya terhad kepada portfolio pembiayaan terpilih, dengan pemantauan rapi terhadap keputusan yang dijana, sebelum skopnya dikembangkan secara beransur-ansur. FSP juga mengambil langkah-langkah perlindungan bagi memastikan sistem AI/ML sentiasa dipantau, seperti pemantauan Kadar Penerimaan Palsu untuk pengesahan identiti yang menggunakan solusi e-KYC.

Peraturan untuk menggalakkan penggunaan AI/ML yang bertanggungjawab

Landskap pengawalseliaan global terhadap penggunaan AI/ML masih pada peringkat awal. Namun begitu, semakin banyak pengawal selia kewangan dalam ekonomi seperti di Singapura, Hong Kong dan UK telah menerbitkan prinsip-prinsip peringkat tinggi atau mengeluarkan panduan mengenai amalan terbaik penggunaan AI/ML yang bertanggungjawab bagi sektor kewangan. Sebahagian daripada dokumen ini dikeluarkan dengan kerjasama pakar industri atau akademik. Panduan yang dikeluarkan ini secara amnya bertujuan untuk memastikan sistem AI/ML adalah kukuh dan telus, menggalakkan pemberian akauntabiliti yang jelas dan memastikan FSP memberikan pertimbangan yang teliti terhadap isu kesaksamaan serta kebimbangan etika yang lain.

Gambar Rajah 5: Keperluan Kawal Selia dalam Menguruskan Risiko daripada Penerapan AI/ML

Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan (2019) memerlukan FSP untuk memastikan bahawa pengguna tidak tertakluk kepada amalan diskriminasi yang tidak adil

Tadbir Urus Risiko (2013) menyatakan bahawa "... penggunaan model untuk mengenal pasti dan mengukur risiko harus disokong oleh proses yang mantap untuk menguruskan risiko model"

Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Pendedahan yang Dibenarkan (2021) menetapkan keperluan yang berkaitan dengan amalan dan kawalan FSP dalam mengendalikan maklumat pelanggan

Garis Panduan Pengurusan Data dan Rangka Kerja MIS (2012) memerlukan institusi kewangan untuk mewujudkan dan mengekalkan rangka kerja bagi pengurusan data dan sistem maklumat pengurusan *(management information system, MIS)* yang kukuh

Pengurusan Risiko dalam Teknologi (2020) memerlukan rangka kerja pengurusan risiko teknologi institusi kewangan meliputi pengenalpastian risiko daripada penggunaan teknologi baharu atau teknologi sedang pesat berkembang, serta langkah kawalan dan pengurangan risiko tersebut

Sumber: Bank Negara Malaysia

Di Malaysia, FSP dikehendaki mematuhi keperluan pengawalseliaan sedia ada (lihat Gambar Rajah 5) dalam penggunaan aplikasi AI/ML mereka. Meskipun kumpulan piawaian sedia ada tertumpu kepada risiko dan pertimbangan utama dalam penggunaan AI/ML oleh FSP, penerapan yang lebih besar, iaitu dari segi tahap keluasan penggunaan serta kes penggunaan khusus yang mempunyai kesan yang lebih tinggi terhadap pemacu risiko yang sangat penting, akan mendorong penambahbaikan terhadap piawaian yang sedia ada. Khususnya, panduan selanjutnya mengenai kebolehtafsiran (*interpretability*) dan kebolehjelasan (*explainability*) model mungkin diperlukan apabila lebih banyak pemahaman diperoleh melalui evolusi amalan FSP. Bank Negara Malaysia akan terus memantau rapi perkembangan dan inovasi dalam industri untuk memaklumkan pendekatan pengawalan dan penyeliaannya, bagi memastikan risiko yang berkaitan dengan AI/ML dapat difahami dan diuruskan dengan baik.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

37 **Sektor Perbankan**

46 *Rencana: Pengurusan Aliran Kepincangan dalam Pasaran Komoditi yang Mempengaruhi Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam*

53 **Sektor Insurans dan Takaful**

57 **Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan**

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank-bank yang kukuh terus menyokong aktiviti pengantaraan

Bank-bank terus mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi pada separuh kedua tahun 2022. Tempoh fleksibiliti SRR[1] yang tamat pada akhir tahun 2022 mempunyai kesan yang terhad ke atas mudah tunai sistem perbankan. Lebihan mudah tunai yang ditempatkan oleh setiap bank di Bank Negara Malaysia adalah mencukupi bagi menggantikan MGS and MGII yang digunakan untuk mematuhi SRR. Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) dan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) kekal kukuh, masing-masing pada 118.2% dan 154.0% pada bulan Disember 2022 (Rajah 2.1 dan Rajah 2.2). Kedudukan pendanaan sistem perbankan yang kukuh menyokong pemberian pinjaman kepada isi rumah dan perniagaan dalam keadaan pemulihan ekonomi yang berterusan sambil memastikan bank-bank kekal berdaya tahan terhadap kejutan mudah tunai, baik dalam tempoh jangka pendek mahupun jangka panjang.

Deposit sistem perbankan terus berkembang pada kadar yang menggalakkan sebanyak 5.9%, melebihi paras sebelum pandemik (2015-2019 CAGR: 4.4%) (Rajah 2.3). Deposit juga berkembang lebih cepat berbanding dengan pertumbuhan pinjaman, sekali gus memastikan pendanaan yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Deposit daripada individu dan perniagaan terus mencakupi sebahagian besar daripada deposit sistem perbankan, masing-masing pada 36.1% dan 33.1%. Walaupun persekitaran kenaikan kadar faedah telah memberikan tekanan kepada nilai aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA),[2] bank-bank terus mempunyai HQLA yang mencukupi (Disember 2022: RM753.4 bilion) untuk memenuhi tekanan aliran keluar tunai untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 hari. Lebih 80% daripada HQLA ini adalah dalam bentuk penempatan dengan Bank dan bon kerajaan yang boleh diakses dan dicagarkan oleh bank-bank dalam pasaran antara bank atau dengan Bank untuk mudah tunai tambahan. Semua bank juga mempunyai akses kepada kemudahan-kemudahan tersedia dan Kemudahan Mudah Tunai Komited Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF)[3] dengan Bank.

Jangkaan kenaikan kadar menimbulkan beberapa cabaran kepada bank-bank daripada sudut ketidakpadanan kematangan yang semakin besar dan peningkatan kos deposit apabila pendeposit yang sensitif terhadap kadar (perniagaan dan IKBB) beralih secara signifikan kepada deposit jangka pendek (Rajah 2.4) kerana menjangkakan peningkatan selanjutnya dalam OPR. Para pendeposit ini juga menuntut kadar deposit yang lebih tinggi untuk deposit jangka panjang bagi mengimbangi potensi kerugian dalam pulangan deposit jika OPR terus meningkat.

Perubahan dalam tingkah laku pendeposit dan volatiliti bermusim dalam deposit yang lazimnya dilihat pada akhir tahun menyaksikan beberapa bank semakin memanfaatkan pasaran antara bank, terutamanya untuk pembiayaan jangka panjang.

[1] Fleksibiliti untuk membolehkan bank-bank menggunakan MGS dan MGII bagi memenuhi pematuhan SRR yang diperkenalkan pada awal pandemik bagi memberikan lebih fleksibiliti kepada bank-bank dalam pengurusan mudah tunai mereka dan menyokong kelancaran fungsi pasaran bon secara berterusan.

[2] HQLA ini adalah dalam bentuk aset tidak terhalang yang tersedia, dan dinilai pada harga penandaan kepada pasaran.

[3] RCLF telah diperkenalkan oleh Bank pada tahun 2016 untuk membolehkan bank-bank mencapai mudah tunai untuk tempoh lebih daripada 1 bulan daripada Bank. Bank-bank yang berhasrat untuk menggunakan RCLF akan dikenakan kadar kemudahan tetap dan akan dikehendaki untuk menetapkan sekumpulan sekuriti layak tidak terhalang yang akan mencukupi untuk menyokong jumlah saiz RCLF.

Hal ini telah memberikan tekanan menaik pada kadar antara bank, terutamanya pada suku keempat tahun 2022 (kadar antara bank 3 bulan: +62 mata asas). Walau bagaimanapun, kesan ke atas kos dana bank-bank kekal terkawal, dengan peningkatan kos secara amnya kekal sejajar dengan kenaikan OPR dalam tempoh tersebut (OPR: +100 mata asas; kos dana bank-bank: +98 mata asas) (Rajah 2.5). Lebih penting lagi, peningkatan itu tidak menyebabkan sebarang pengetatan yang ketara dalam pinjaman bank. Bank-bank terus mengembangkan portfolio pinjaman mereka melebihi paras sebelum pandemik (5.7%; CAGR 2015-2019: 5.3%) (Rajah 2.6), manakala penetapan harga pinjaman terkumpul baharu dan sedia ada secara amnya mencerminkan perubahan dalam OPR.

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan — Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Tetap Mengikut Tempoh Kematangan Asal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank-bank kekal terurus

Hutang luar negeri bank-bank meningkat sebanyak RM24.9 bilion pada separuh kedua tahun 2022 kepada RM396.4 bilion (Rajah 2.7), sebahagian besarnya didorong oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) daripada rakan niaga luar pesisir mereka yang

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

berkaitan (ST2 2022: +RM5.1 bilion). Sebahagian besar daripada peminjaman ini kemudiannya disalurkan kepada aktiviti pembiayaan dan pelaburan dengan kaunterparti bukan pemastautin, lantas mengehadkan sebarang limpahan domestik daripada perkembangan risiko yang buruk. Beberapa kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) turut memanfaatkan pasaran antara bank antarabangsa untuk merapatkan jurang mudah tunai mata wang asing (*foreign currency*, FCY) susulan deposit yang akan matang.

Risiko keseluruhan daripada dedahan hutang luar negeri FCY bank-bank terus terkawal. Hutang luar negeri FCY berisiko (*debt-at-risk*, DAR)[4] kekal terurus pada RM80.4 bilion atau 20.3% daripada jumlah hutang luar negeri sistem perbankan. Bank-bank terus mengekalkan aset mudah tunai FCY yang besar, mencukupi untuk menampung sehingga 2.6 kali FCY DAR (Jun 2022: 2.6 kali; purata 2015-2019 tahun: 2.9 kali) (Rajah 2.8). Baki 79.7% hutang luar negeri sebahagian besarnya terdiri daripada dedahan

[4] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada kaunterparti bukan pemastautin yang tidak berkaitan yang dianggap lebih terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba.

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

antara bank dengan kaunterparti berkaitan atau hutang jangka panjang yang lebih stabil, sekali gus mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risk*) yang dihadapi oleh bank-bank. Berikutan peningkatan tahap volatiliti pasaran dalam tempoh tersebut, kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position*, FX NOP) bank-bank daripada operasi domestik menurun kepada paras terendah dalam sejarah sebanyak 3.6% (Jun 2022: 4.4%) daripada jumlah modal bank-bank (Rajah 2.9). Hal ini mencerminkan kesanggupan mengambil risiko yang lebih rendah oleh bank-bank daripada dedahan yang tidak dilindungi. Kedudukan FX NOP konservatif ini terus mengehadkan risiko mudah tunai FCY daripada pergerakan dalam ringgit.

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prospek risiko kredit bertambah baik, namun bank-bank kekal berwaspada

Bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik terus menurun kepada 4.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2022: 5.7%). Penyambungan semula pembayaran pinjaman oleh peminjam yang keluar daripada program tersebut telah membantu bank-bank menilai dengan lebih baik tingkah laku bayaran balik peminjam. Hal ini seterusnya menyumbang kepada prospek yang lebih baik untuk keadaan kredit dalam kalangan bank dengan bahagian pinjaman Tahap 2 yang turut menurun menghampiri tahap sebelum pandemik (Rajah 2.10).

Nisbah pinjaman terjejas kasar berada pada 1.7% pada akhir tahun 2022 (Jun 2022: 1.8%) (Rajah 2.11). Dari segi nilai, pinjaman terjejas meningkat pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan separuh pertama tahun 2022. Sebilangan kecil peminjam isi rumah dan PKS yang mudah terjejas terus mengalami kesukaran untuk membayar pinjaman mereka selepas keluar daripada program bantuan bayaran balik. Kebanyakan pinjaman ini telah dikenal pasti lebih awal melalui penglibatan proaktif bank-bank dengan peminjam, dan oleh itu peruntukan telah pun dibuat melalui peruntukan Tahap 2 atau pertimbangan pengurusan. Sementara itu, pinjaman terjejas syarikat bukan PKS menurun kepada 2.8% pada bulan Disember 2022 (Jun 2022: 3.1%). Pada masa hadapan, meskipun keadaan kredit dijangka bertambah baik secara meluas seiring dengan pertumbuhan ekonomi, tahap kos input perniagaan dan perbelanjaan sara hidup isi rumah yang meningkat boleh menimbulkan sedikit risiko kepada pinjaman terjejas pada tahun 2023.

Sejajar dengan peningkatan yang dilihat dalam trend bayaran balik keseluruhan, beberapa bank memasuk kira semula peruntukan (*written back provision*) melalui pertimbangan pengurusan semasa pandemik untuk peminjam runcit yang mempunyai rekod bayaran balik yang baik. Beberapa pinjaman legasi juga dihapus kira dalam tempoh tersebut. Kedua-dua faktor ini menyebabkan penurunan peruntukan pada separuh kedua tahun 2022 (Rajah 2.12). Walau bagaimanapun, nisbah perlindungan kerugian pinjaman, termasuk rizab pengawalseliaan, kekal tinggi (Disember 2022: 118.2%; Jun 2022: 115.3%; purata 2015-2019: 112.5%) memandangkan bank-

bank terus berwaspada terhadap risiko kredit yang semakin nyata, terutamanya bagi pinjaman yang masih di bawah program bantuan bayaran balik, atau baru keluar daripadanya. Peruntukan yang dikumpulkan lebih awal oleh bank-bank menyediakan penampan yang berhemat terhadap jangkaan kerugian masa hadapan dengan nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman kekal jauh melebihi paras sebelum pandemik walaupun terdapat pengurangan peruntukan yang sederhana pada tahun 2022 (Disember 2022: 1.7%; purata 2018-2019: 1.4%). Kos kredit tahunan telah mula kembali normal kepada tahap sebelum pandemik (Disember 2022: 20 mata asas; purata 2015-2019: 14 mata asas) (Rajah 2.13). Pada masa hadapan, kos kredit dijangka terus menurun apabila bank-bank memasuk kira semula beberapa peruntukan yang dibuat melalui pertimbangan pengurusan semasa tempoh pandemik, selaras dengan penambahbaikan dan pengesahan semula model peruntukan.

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Nota: Data pinjaman/pembiayaan bermula tahun 2021 dan seterusnya adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Perubahan Peruntukan Separuh Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan bank-bank terus pulih tetapi risiko pertumbuhan menjadi perlahan masih kekal

Pendapatan bank-bank meneruskan momentum pemulihannya daripada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 2.14). Margin faedah bersih dikekalkan oleh kedua-dua pertumbuhan pinjaman yang lebih kukuh dan kadar pemberian pinjaman yang lebih tinggi, yang melebihi peningkatan dalam kos pendanaan. Pulangan atas aset dan ekuiti sistem perbankan turut meningkat, masing-masing kepada 1.4% dan 12.4% (Jun 2022: 1.3% dan 11.8%). Penilaian pasaran terhadap bank-bank tersenarai, seperti yang diukur oleh nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) dan harga kepada perolehan (*price-to-earnings*, P/E) juga meningkat lebih tinggi, masing-masing kepada 0.9 dan 12.2 (Jun 2022: 0.8 dan 11.0) (Rajah 2.15). Namun begitu, penilaian ini belum pulih sepenuhnya ke tahap sebelum pandemik (purata 2015-2019, nisbah P/B: 1.1; nisbah P/E: 11.5), yang mencerminkan kebimbangan pelabur terhadap ketidakpastian yang berlarutan dalam persekitaran operasi untuk bank-bank pada tahun 2023.

Pendapatan perdagangan dan pelaburan memberikan sedikit sokongan kepada keuntungan

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST2 2021 dan ST2 2022.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah semua bank tersenarai di pasaran saham Malaysia.

Sumber: Bloomberg

bank-bank pada separuh kedua tahun 2022 walaupun volatiliti pasaran global meningkat dalam tempoh tersebut (Disember 2022: 10.2% daripada jumlah pendapatan sistem perbankan; Jun 2022: 6.9%; purata 2015-2019: 10.4%). Pengurusan risiko yang aktif oleh bank-bank dan keyakinan pasaran berikutan kadar pengetatan oleh Fed yang lebih perlahan membawa kepada peningkatan dalam pendapatan perdagangan dan pelaburan bank-bank (ST2 2022: +RM5.1 bilion; ST1 2022: +RM2.8 bilion). Penurunan dalam kadar hasil bon domestik dalam dua bulan terakhir tahun 2022, ditambah dengan ringgit yang lebih kukuh pada suku terakhir menyaksikan bank-bank mencatatkan keuntungan daripada portfolio pendapatan tetap dan FX mereka.

Pemegangan bon kerajaan oleh bank-bank telah meningkat sejak bermulanya pandemik (Disember 2022: 9.9% daripada jumlah aset sistem perbankan; Disember 2021: 9.4%; purata 2015-2019: 6.8%), sekali gus mendedahkan bank-bank kepada risiko kadar faedah yang lebih tinggi. Bank-bank terus memantau risiko ini dengan berhati-hati untuk memastikan risiko kekal dalam lingkungan kesanggupan mengambil risiko dalaman mereka. Sejak akhir-akhir ini, bahagian yang lebih besar (35.4%; Disember 2021: 31.8%; purata 2015-2019: 25.2%) daripada bon kerajaan yang dipegang oleh bank-bank dicatatkan pada kos terlunas (*amortised cost*). Hal ini telah mengurangkan turun naik dalam kedudukan modal bank-bank dalam persekitaran kenaikan kadar faedah. Penampan modal bank-

bank yang tinggi juga terus mengekalkan keupayaan bank-bank untuk menyerap sebarang kerugian penilaian mengikut pasaran yang direalisasi daripada portfolio ini. Di bawah senario kenaikan sebanyak 200 mata asas dalam kadar hasil, kerugian penilaian mengikut pasaran akan mengurangkan asas modal agregat sebanyak 6.2% atau nisbah modal keseluruhan sebanyak 1.1 mata peratusan. Keadaan ini kekal dalam tahap sasaran modal dalaman yang ditetapkan oleh kebanyakan bank. Dalam kalangan DBG yang besar, sasaran modal dalaman ditetapkan pada tahap antara 4 hingga 7 mata peratusan lebih tinggi daripada keperluan minimum pengawalseliaan untuk menampan risiko tambahan termasuk risiko kadar faedah dalam akaun perbankan.[5] Melangkah ke hadapan, volatiliti pasaran kewangan berkemungkinan kekal tinggi dan boleh terus menjejaskan pendapatan perdagangan dan pelaburan bank walaupun strategi pengurusan risiko pasaran semasa oleh bank-bank menunjukkan kesan yang sederhana terhadap keuntungan.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem perbankan kekal dengan permodalan yang kukuh, lantas memantapkan kapasiti bank-bank untuk menyokong aktiviti pemberian pinjaman dan menyerap kerugian yang tidak dijangka

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal kukuh (18.8%; Jun 2022: 18.4%) dengan penampan modal sebanyak RM134.8 bilion melebihi tahap minimum pengawalseliaan (Rajah 2.16). Peningkatan dalam keuntungan akan memberikan sokongan selanjutnya untuk penampan modal bank-bank dengan kebanyakan bank mengekalkan strategi pengekalan modal yang konservatif (termasuk program pelaburan semula dividen) untuk mengekalkan penampan mereka. Keadaan ini akan terus menyokong kredit kepada ekonomi dan mengekalkan kapasiti bank untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka. Pengurusan risiko dan lindung nilai secara aktif oleh bank-bank juga akan membantu mengurangkan kesan keadaan pasaran yang tidak menentu ke atas kedudukan modal mereka. Usaha sedang dijalankan oleh Bank untuk mengguna pakai elemen utama pakej pembaharuan Basel III secara beransur-ansur bagi meningkatkan lagi sensitiviti risiko rangka kerja modal (Gambar Rajah 2.1). Hal ini akan memperkukuh kekuatan modal sistem perbankan pada masa hadapan.

Operasi luar negeri DBG kekal berdaya tahan dengan trend bayaran balik yang lebih baik di kebanyakan negara

Keuntungan operasi luar negeri DBG[6] jatuh pada separuh kedua tahun 2022 tetapi kekal lebih kukuh berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2021 (Rajah 2.17). Keuntungan yang menurun sedikit dapat dilihat dalam operasi di Singapura, Indonesia dan Thailand yang mencakupi lebih 80% daripada

[5] Semua bank dikehendaki menilai risiko kadar faedah mereka dalam akaun perbankan secara berterusan sebagai sebahagian daripada proses penilaian kecukupan modal dalaman Asas 2 mereka. Hal ini mensimulasikan kesan peningkatan mendadak dalam kadar hasil bagi aset yang dipegang dalam akaun perbankan dan menilai kecukupan modal untuk menghadapi kejutan ini.

[6] Merujuk pejabat luar negeri DBG, iaitu cawangan dan subsidiari yang beroperasi di luar Malaysia dan LIBFC. DBG mempunyai operasi di 14 negara dengan operasi utamanya di Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong SAR.

Gambar Rajah 2.1: Kemajuan dalam Pelaksanaan Pakej Reformasi Basel III di Malaysia



[1] Bon dilindungi, kewangan projek, kewangan objek dan kewangan komoditi
[2] Runcit, dan hartanah
[3] Modal peringkat 1 ekuiti biasa
[4] Bank domestik yang penting secara sistemik

Sumber: Bank Negara Malaysia

jumlah operasi luar negeri dari segi aset (Rajah 2.18). Penurunan itu didorong oleh pendapatan dagangan yang lebih rendah dan kos kredit yang lebih tinggi yang direkodkan di beberapa negara pada suku terakhir tahun 2022. Namun begitu, keuntungan dalam operasi utama terus disokong oleh pendapatan faedah bersih berikutan pertumbuhan pinjaman yang kukuh dan mampan (Disember 2022: 9.1%; Jun 2022: 11.3%; 2021: 7.9%). Sama seperti Malaysia, peningkatan dalam trend bayaran balik juga dilihat di negara-negara ini. Bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pandemik telah berkurang daripada 4.5% pada bulan Disember 2021 kepada 2.0% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri. Keadaan ini telah menghasilkan kualiti aset yang lebih baik (Rajah 2.19) dan peruntukan tambahan yang lebih rendah oleh operasi luar negeri DBG, seterusnya menyokong peningkatan keuntungan berbanding dengan tahun 2021. Operasi

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri



Nota: Purata penunjuk kewangan utama diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

luar negeri juga sebahagian besarnya kekal dibiayai oleh deposit pelanggan tempatan (Rajah 2.20), sekali gus mengehadkan risiko mudah tunai dan tekanan pembiayaan serta risiko penularan kepada DBG. Tahap modal yang dikekalkan oleh operasi luar negeri DBG juga kekal kukuh, yang memberikan penampan tambahan terhadap potensi kerugian kredit tanpa perlu bergantung pada sokongan tambahan syarikat induk.

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan Aliran Kepincangan dalam Pasaran Komoditi yang Mempengaruhi Aplikasi *Tawarruq* dalam Sistem Perbankan Islam

Aplikasi *Tawarruq* dalam Perbankan Islam

Terdapat pelbagai jenis kontrak Syariah[1] yang digunakan bagi transaksi perbankan Islam pada masa kini. Antaranya ialah *tawarruq*, iaitu kontrak yang paling banyak digunakan dalam segmen produk perbankan utama yang merangkumi pembiayaan, deposit dan pasaran wang antara bank (Gambar Rajah 1).[2] Hal ini sebahagian besarnya didorong oleh keupayaan *tawarruq* untuk memudahkan pemberian dana[3] dan pembiayaan bagi pelbagai tujuan seperti modal kerja, pembiayaan perdagangan dan pembelian harta tanah.

Gambar Rajah 1: Trend dan Komposisi *Tawarruq* dan Kontrak-kontrak Shariah Lain bagi Tiga Segmen Utama Perbankan Islam setakat 31 Disember 2022



Nota: Data bagi dana pasaran wang antara bank merujuk kepada penempatan dana sahaja, tidak termasuk penempatan dana dengan Bank Negara Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan

Tawarruq memerlukan dua urus niaga jual beli komoditi[4] secara berasingan yang melibatkan empat pihak iaitu bank Islam, pelanggan dan dua pembekal komoditi. Gabungan urus niaga ini bertujuan untuk mewujudkan obligasi hutang bagi pihak yang membeli komoditi tersebut secara tertangguh (*deferred*), pada harga yang dipersetujui (ditentukan dengan merujuk kadar keuntungan yang ditetapkan) (Gambar Rajah 2). Transaksi *tawarruq* boleh menggunakan pelbagai jenis komoditi, termasuk minyak sawit mentah (*crude palm oil, CPO*), resin plastik, logam, getah, minyak mentah dan komoditi digital yang diperoleh dari dalam atau luar negara (Gambar Rajah 3). Perdagangan kesemua komoditi ini diuruskan oleh bank-bank Islam melalui penggunaan perkhidmatan broker komoditi dan bursa komoditi (BBK).

[1] Kontrak Syariah terdiri daripada *murabahah, musyarakah, mudarabah, istisna`, wakalah, wadi' ah, hibah, wa'd, kafalah, qard, bai` al-sarf, ijarah, rahn dan tawarruq*
[2] Data tidak termasuk data bank yang mempunyai jendela Islam (Islamic window)
[3] Pasaran wang antara bank, deposit dan pengurusan wang tunai
[4] Kecuali emas dan mata wang

Gambar Rajah 2: Ilustrasi Mekanisma *Tawarruq* (Pembiayaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Komoditi yang Digunakan untuk *Tawarruq*



Nota: "Lain-lain" mencakupi olein sawit, stearin sawit, minyak sawit ditapis, serta kayu keras dan kayu lembut
Sumber: Bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan

Kepincangan Utama yang Diperhatikan Wujud dalam Pasaran Komoditi dan Alirannya kepada Transaksi *Tawarruq*

Pasaran komoditi mengalami peningkatan volatiliti pada tahun 2022. Ketegangan geopolitik yang berterusan terutamanya konflik ketenteraan di Ukraine dan seterusnya sekatan yang dikenakan terhadap Rusia telah menjejaskan bekalan logam seperti aluminium dan nikel. Sementara itu, pengeluaran CPO dalam negeri turut terjejas akibat gangguan dalam aktiviti penuaian disebabkan oleh kekurangan pekerja yang berlarutan sepanjang tahun.[5] Perkembangan ini menyebabkan volatiliti yang ketara dalam pasaran komoditi global yang menyaksikan kenaikan harga komoditi global ke paras tertinggi sebelum berlaku penurunan mulai suku ketiga tahun 2022.[6]

Meskipun kesan gangguan bekalan dalam pasaran komoditi dapat diurus setakat ini, gangguan bekalan masih berisiko untuk menjadi lebih buruk sekiranya ketegangan geopolitik semakin meruncing. Dalam jangka masa sederhana hingga jangka panjang, risiko fizikal dan risiko peralihan daripada kesan perubahan iklim juga akan memberikan kesan yang ketara terhadap prospek pasaran komoditi.

Volatiliti dalam harga komoditi global mempengaruhi transaksi *tawarruq* melalui beberapa punca (Gambar Rajah 4).

Gambar Rajah 4: Kepincangan Utama dalam Pasaran Komoditi Global dan Domestik, serta Alirannya terhadap Transaksi *Tawarruq*



[5] Sumber: Buletin Suku Tahunan S2 2022 BNM
[6] Sumber: Bank Dunia

Sekatan yang dikenakan terhadap Rusia menyebabkan volatiliti harga nikel yang sangat ketara pada awal tahun 2022. Hal ini disebabkan oleh status Rusia sebagai pengeluar nikel gred tertinggi yang mencakupi 17% daripada jumlah pengeluaran nikel dunia. Pada 8 Mac 2022, harga nikel yang diniagakan dalam pasaran hadapan (*futures*) telah melonjak kepada paras tinggi yang tidak pernah dicatatkan sebelum ini, iaitu sebanyak 250% dalam masa dua hari, untuk didagangkan pada paras melebihi USD100,000 satu tan (Gambar Rajah 5). Paras harga ini telah menyebabkan kerugian nilai mengikut pasaran (*mark-to-market*) yang besar bagi rakan niaga yang berada pada kedudukan jualan (*short position*) dalam kontrak pasaran hadapan (*futures contract*) di London Metal Exchange (LME). Kesannya, LME terpaksa menggantung perdagangan nikel untuk memulihkan keadaan pasaran dan menyelesaikan transaksi[7] tertangguh. Memandangkan LME menetapkan tanda aras harga global untuk banyak jenis logam termasuk nikel, penggantungan transaksi pasaran tersebut menyebabkan ketiadaan harga tanda aras global untuk nikel buat sementara waktu. Keadaan ini seterusnya menyebabkan transaksi *tawarruq* berasaskan nikel di Malaysia terhenti. Namun begitu, kesan keseluruhannya adalah terhad kerana transaksi *tawarruq* berasaskan komoditi nikel hanya mencakupi sebahagian kecil daripada jumlah transaksi *tawarruq* (RM56.0 bilion, iaitu 6.1% daripada jumlah komoditi yang digunakan untuk transaksi *tawarruq*).

Dalam keadaan sebegini, bank-bank Islam perlu mencari komoditi alternatif sebagai pengganti. Jika berlaku senario ekstrem iaitu penggantian tidak dapat dilaksanakan, bank-bank Islam mungkin tidak dapat melakukan transaksi *tawarruq* yang baharu, lantas mengganggu operasi harian perbankan berasaskan *tawarruq*.

Gambar Rajah 5: Volatiliti Harga yang Melampau bagi Nikel pada Tahun 2022, Terutamanya pada Bulan Mac



Sumber: Bloomberg

Pengurangan Risiko bagi Menggalakkan Daya Tahan Ekosistem

Industri kewangan Islam telah melaksanakan beberapa strategi untuk menguruskan risiko-risiko ini. Sebagai contoh, bank-bank Islam telah mengambil langkah-langkah untuk mempelbagaikan komoditi sandaran yang digunakan dalam perdagangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bank-bank Islam turut menggunakan beberapa BBK untuk urusan perdagangan. Strategi-strategi pengurusan risiko ini dilengkapkan lagi dengan langkah-langkah tambahan yang diambil oleh BBK untuk membendung risiko limpahan. Sebagai contoh, BBK lazimnya menetapkan harga dengan pembekal komoditi dan melaksanakan lindung nilai (*hedge*) terhadap pergerakan harga antara hari (Gambar Rajah 6). Langkah-langkah ini telah membantu bank-bank Islam menghadapi kejutan yang berlaku dalam pasaran komoditi baru-baru ini, lantas memelihara pengantaraan yang teratur dalam sistem perbankan Islam domestik.

[7] Sumber: Reuters

Gambar Rajah 6: Dua Barisan Pertahanan: Pengurusan dan Kawalan Risiko di Bank-bank Islam dan BBK



Sumber: Bank-bank Islam, institusi kewangan pembangunan dan BBK

Langkah seterusnya

Pada peringkat keseluruhan sistem, penumpuan terhadap *tawarruq* perlu dikurangkan dengan mempelbagaikan kontrak Syariah yang bukan berasaskan komoditi. Langkah ini akan mempertingkatkan daya tahan aktiviti perbankan Islam bagi menghadapi risiko kejutan bekalan yang ketara dalam pasaran komoditi global. Industri perbankan Islam sedang mengambil usaha bersepadu untuk mengembangkan kontrak Syariah alternatif. Hal ini terbukti dengan peningkatan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compounded annual growth rate, CAGR*) yang menggalakkan sebanyak 6.2%[8] dalam kontrak Syariah alternatif sejak tiga tahun yang lalu. Selain itu, pelbagai inovasi produk sedang dilaksanakan oleh bank-bank Islam, meskipun pada tahap yang berbeza-beza. Sebagai contoh, kontrak perkongsian dengan pengurangan milikan oleh bank Islam secara berperingkat (*musyarakah mutanaqisah*) telah digunakan oleh beberapa bank Islam sebagai kontrak Syariah alternatif bagi memudahkan pembiayaan harta tanah siap dan harta tanah dalam pembinaan. Produk akaun pelaburan berasaskan kontrak agensi (*wakalah*) dan kontrak perkongsian untung rugi (*mudarabah*) juga semakin menjadi pilihan sebagai alternatif kepada produk deposit berasaskan *tawarruq*. Industri perbankan Islam juga sedang melaksanakan inisiatif untuk meneliti *wakalah* sebagai kontrak Syariah untuk urus niaga penempatan dana bagi pasaran wang antara bank-bank Islam. Pada masa hadapan, inovasi dalam kontrak Syariah dijangka terus mencapai kemajuan serta mengurangkan lagi penumpuan terhadap *tawarruq*.

[8] Hanya mengambil kira aktiviti pembiayaan berdasarkan kontrak Syariah alternatif

Perkembangan Terkini Pasaran dan Pengawalseliaan dalam Bidang Aset Digital

Minat terhadap aset digital[1] pada peringkat global meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pasaran aset digital juga dicirikan oleh risiko yang tinggi berkaitan dengan volatiliti yang ketara. Selepas mencatatkan kenaikan yang berterusan sejak bulan Jun 2020, permodalan pasaran aset digital mencapai paras tertinggi sebanyak USD3.1 trilion pada bulan November 2021. Sejak itu, trend ini telah berubah arah berikutan ketidakpastian geopolitik, kenaikan kadar faedah dan tekanan inflasi. Menjelang bulan Disember 2022, permodalan pasaran aset digital berada pada USD830 bilion, menurun sebanyak 73% berbanding dengan paras tertingginya.[2] Trend kripto yang kembali menurun, yang dikenali sebagai 'musim sejuk kripto', diburukkan lagi oleh kegagalan profil tinggi termasuk kegagalan *stablecoin* TerraUSD serta kejatuhan FTX, salah satu bursa aset digital terbesar, yang menyebabkan keyakinan semakin merosot secara meluas dan mencetuskan semula kebimbangan terhadap risiko berkaitan dengan aset digital.

Limpahan daripada pembalikan kripto baru-baru ini hanya memberikan sedikit kesan kepada sistem kewangan Malaysia. Pasaran aset digital di Malaysia kekal kecil berbanding dengan pasaran kewangan domestik, serta hubung kait antara keduanya adalah terbatas. Aliran keluar deposit bersih kumulatif daripada bank-bank kepada empat bursa aset digital domestik yang dikawal selia hanya mewakili 0.6% daripada jumlah deposit sistem perbankan untuk individu pada akhir bulan Disember 2022. Minat bank untuk terlibat dalam aktiviti aset digital juga kebanyakannya masih pada peringkat kajian awal. Walau bagaimanapun, hubung kait yang semakin berkembang boleh meningkatkan risiko kestabilan kewangan.

Peningkatan penglibatan bank dalam aktiviti aset digital akan mengukuhkan hubung kait tersebut. Penglibatan bank dalam bidang aset digital boleh merangkumi pelbagai bentuk, termasuk melabur dalam aset digital, menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan aset digital seperti kustodi, perdagangan dan tokenisasi aset, atau pemberian pinjaman dengan aset digital sebagai cagaran. Semua aktiviti ini mewujudkan saluran transmisi risiko daripada pasaran aset digital kepada sistem kewangan yang lebih luas.

Kebimbangan terhadap kestabilan kewangan berkemungkinan wujud daripada beberapa sumber. Aset digital dianggap sebagai kelas aset yang baru muncul, yang prestasinya semasa tempoh tekanan masih belum diuji sepenuhnya. Terdapat banyak aset digital dicirikan oleh tahap volatiliti yang tinggi dan sukar untuk dicairkan, lantas mendedahkan bank kepada risiko pasaran dan mudah tunai yang besar. Aset digital juga sangat bergantung pada teknologi yang agak baharu dan melibatkan peserta yang tidak dikawal selia dalam ekosistem. Hal ini boleh mengakibatkan risiko operasi dan undang-undang yang lebih ketara berbanding dengan risiko yang lazimnya dikaitkan dengan produk perbankan dan model perniagaan tradisional.

Berdasarkan pertimbangan ini, Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) telah menetapkan dengan jelas olahan kehematan terhadap dedahan bank pada aset kripto[3] di bawah piawaian modal dan mudah tunai Basel (lihat Gambar Rajah 1) yang bertujuan untuk memelihara kestabilan kewangan berikutan penglibatan bank dalam aktiviti aset digital. Piawaian tersebut menerapkan prinsip 'risiko yang sama, aktiviti yang sama, tindakan yang sama', iaitu keperluan modal dan mudah tunai yang sama dikenakan ke atas dedahan dan aktiviti yang mempunyai fungsi ekonomi yang sama dan membawa risiko yang sama, tanpa mengambil kira teknologi asas. Di samping itu, piawaian itu juga mengambil kira risiko khusus berkaitan dengan ciri-ciri unik aset digital yang tidak ada dalam aset tradisional.

Penerbitan piawaian global ini akan memaklumkan usaha Bank dalam memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan untuk mengambil kira risiko yang baru muncul dalam bidang ini. Berikutan sifat dan implikasi aktiviti aset digital yang merentas sempadan, ketekalan dengan piawaian global akan menjadi

[1] Dalam rencana ini, istilah 'aset digital' dan 'aset kripto' digunakan secara silih berganti. Secara amnya, kedua-dua istilah ini merujuk perlambangan nilai dalam bentuk digital yang bergantung terutamanya pada kriptografi dan teknologi lejar teragih atau teknologi yang serupa. Contohnya termasuk *stablecoin* dan aset digital tanpa sokongan.
[2] Sumber: CoinGecko.
[3] https://www.bis.org/bcbs/publ/d545.pdf

suatu pertimbangan yang penting. Bank juga akan terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam memantau perkembangan berhubung dengan aktiviti berkaitan aset digital di Malaysia serta mengimbangi risiko dan peluang yang berkaitan dengan aktiviti tersebut, demi kemajuan landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Sektor Kewangan.

Gambar Rajah 1: Ringkasan Piawaian BCBS Berhubung dengan Olahan Kehematan Dedahan Aset Kripto



Berikutan perkembangan pasaran pada kadar yang pesat, Basel Committee juga akan mengeluarkan pemurnian dan penjelasan tambahan dari semasa ke semasa. Tambahan ini termasuk bagi menangani isu seperti risiko terhadap aset kripto yang menggunakan rantaian blok tanpa izin dan penentukuran had pendedahan Kumpulan 2.

Kriteria kelayakan Olahan kehematan

[1] Contohnya, ekuiti, bon dan komoditi.
[2] Kriteria termasuk pelbagai nilai ambang yang berkaitan dengan permodalan pasaran, jumlah dagangan dan pemerhatian harga yang perlu dipenuhi oleh aset kripto.

Sumber: Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) dan diringkaskan oleh Bank Negara Malaysia

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan dana insurans dan takaful kembali pulih berikutan prestasi pelaburan yang lebih baik

Pada separuh kedua tahun 2022, keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful bertambah baik berbanding awal tahun disebabkan oleh pulangan pelaburan yang lebih baik. Dana insurans hayat dan takaful keluarga mencatatkan keuntungan tidak direalisasi bersih yang lebih tinggi daripada pelaburan apabila kadar hasil bon jatuh dan pasaran ekuiti bertambah baik, terutamanya menjelang akhir tahun 2022, lantas menyebabkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan menjadi positif (Rajah 2.21). Walau bagaimanapun, pada keseluruhan tahun, keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga kekal di bawah paras sebelum pandemik, sekali gus mencerminkan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu terutamanya pada separuh pertama tahun 2022.

Prestasi pengunderaitan terjejas teruk oleh kenaikan bayaran perubatan (ST2 2022: RM4.3 bilion; ST1 2022: RM3.5 bilion; purata setengah tahun 2020-2021: RM2.9 bilion). Keadaan ini didorong terutamanya oleh peningkatan tuntutan berkaitan prosedur perubatan yang perlu dan elektif yang telah ditangguhkan semasa pandemik, serta inflasi perubatan. Pembayaran perubatan pada masa depan dijangka terus meningkat sejajar dengan kos rawatan perubatan dan normalisasi pola tuntutan kepada trend jangka panjang. Kesan inflasi perubatan terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) dijangka terurus kerana premium dan sumbangan bagi produk perubatan dikaji semula secara berkala untuk mengambil kira pengalaman tuntutan yang baharu, sekali gus memastikan harga perlindungan insurans dan takaful adalah setimpal dengan kos menyediakan perlindungan[7] tersebut. Walau bagaimanapun, usaha berterusan untuk menangani inflasi perubatan oleh pelbagai pihak berkepentingan kekal penting bagi memastikan akses kepada perlindungan insurans dan takaful perubatan yang mampu dibayar. Usaha ini termasuk langkah-langkah untuk menggalakkan peningkatan ketelusan kos, menyokong peningkatan pengawasan terhadap kos rawatan perubatan, serta menambah baik reka bentuk produk dan pilihan pembayaran yang dapat memenuhi keperluan pengguna dengan lebih baik serta menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab.

Kemerosotan pendapatan pengunderaitan juga disebabkan oleh premium perniagaan baharu yang semakin merosot. Keadaan ini selaras dengan trend bermusim umum (Rajah 2.22) kecuali produk Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang

Rajah 2.21: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.22: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Rujuk Rencana bertajuk 'Menilai Kesan Penangguhan bagi Penetapan Semula Harga Perubatan terhadap Penanggung Insurans Hayat dan Pengendali Takaful Keluarga' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2021 Bank Negara Malaysia untuk butiran lanjut.

yang terus menunjukkan trend menaik berikutan peningkatan aktiviti pasaran harta tanah. Premium perniagaan baharu yang berkaitan dengan pelaburan juga meningkat sebanyak 12.5% pada separuh kedua tahun 2022 (purata ST2 2015-2019: 17.4%), mencerminkan peningkatan kempen yang dilancarkan oleh ITO pada separuh akhir tahun 2022 bagi mencapai sasaran jualan akhir tahun.

Bagi dana insurans dan takaful am, keuntungan operasi pada separuh kedua tahun 2022 bertambah mantap (Rajah 2.23), didorong oleh prestasi pengunderaitan dan pelaburan yang lebih kukuh. Keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi mencerminkan ketiadaan tuntutan besar yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2022 susulan banjir teruk pada akhir tahun 2021. Sementara itu, premium langsung kasar terus disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam premium motor berikutan peningkatan kenderaan yang dikeluarkan untuk memenuhi tempahan yang dibuat semasa tempoh pengecualian cukai jualan.[8] Segmen kebakaran juga mencatatkan penurunan premium yang lebih kecil pada separuh kedua tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 berikutan pemulihan dalam aktiviti pasaran harta tanah (Rajah 2.24). Berikutan sumbangan yang besar oleh kedua-dua perniagaan utama ini kepada prestasi pengunderaitan, liberalisasi tarif insurans berkenaan yang sedang dilaksanakan secara beransur-ansur akan memberikan kesan yang penting kepada prestasi masa hadapan.

Rajah 2.23: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran insurans semula, pembaharuan baru-baru ini menunjukkan tanda-tanda pasaran insurans semula yang semakin sukar. ITO melaporkan peningkatan kadar insurans semula bagi pembaharuan perlindungan, kos pengembalian semula yang lebih tinggi bagi perlindungan insurans semula apabila had dipenuhi, serta ambang boleh tolak yang lebih tinggi yang dikenakan bagi tuntutan, terutamanya untuk perjanjian terhadap kerugian yang berlebihan.[9] Klausa yang lebih berat, seperti klausa penyertaan kerugian yang memerlukan ITO menyumbang kepada sebahagian daripada kerugian yang diinsuranskan juga telah diperkenalkan. Selain itu, komisen serahan yang dibayar kepada ITO menunjukkan trend yang sedang menurun. Keadaan pasaran insurans semula yang sukar telah didorong terutamanya oleh kerugian besar akibat bencana alam semula jadi dalam tahun-tahun kebelakangan ini yang menyebabkan kapasiti global yang berkurang. ITO menjangkakan kitaran pasaran yang sukar akan berterusan dalam tempoh terdekat. Meskipun keadaan ini boleh memberikan tekanan menaik kepada kadar premium langsung, dan khususnya menjejaskan kos-kos yang ditanggung oleh perniagaan bagi insurans komersial, langkah-langkah yang diambil oleh ITO untuk mengoptimumkan program insurans semula mereka akan membantu untuk menyederhanakan kesan ke atas kos perniagaan. Sebarang kesan terus dikurangkan oleh sumbangan kos insurans

Rajah 2.24: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Tarikh akhir pendaftaran dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dilanjutkan hingga 31 Mac 2023, bagi pembeli yang menempah kereta mereka sebelum atau pada 30 Jun 2022 di bawah tempoh pengecualian cukai jualan.

[9] Merujuk jenis kontrak insurans semula/sijil takaful semula yang melindungi ITO daripada kerugian besar atau bencana, jika ITO semula bersetuju untuk menampung sebahagian daripada kerugian yang melebihi nilai ambang tertentu.

yang secara relatif rendah kepada jumlah kos perniagaan. Bank terus memantau kesan daripada perkembangan ini kepada premium pengguna akhir dan kecukupan pengaturan insurans semula yang dilaksanakan oleh ITO untuk memberikan perlindungan terhadap persekitaran tuntutan yang tidak menentu.

Setakat ini, kebanyakan (80%) ITO telah memasuki fasa liberalisasi tarif motor dan kebakaran[10] yang seterusnya, setelah memenuhi syarat kehematan dan amalan pasaran yang diperlukan, serta memberikan komitmen kepada rancangan untuk mendigitalkan proses tuntutan motor mereka. ITO telah dilihat menggunakan fleksibiliti penetapan harga yang disediakan oleh liberalisasi untuk mengenal pasti risiko dasar dalam pelbagai segmen produk dengan lebih baik dan meningkatkan penawaran produk dengan ciri reka bentuk baharu yang lebih inovatif untuk mengekalkan kemampuan dalam keadaan persaingan yang semakin meningkat (contohnya, produk *pay as you drive*). Berikutan penyambungan semula aktiviti perjalanan dan tuntutan motor yang kembali pada paras wajar, kadar premium motor yang diturunkan sebelum ini semasa pelaksanaan perintah kawalan pergerakan juga telah mula menjadi normal selaras dengan pengalaman tuntutan. Secara keseluruhan, perkembangan ini mempunyai kesan yang agak sederhana, dengan kadar motor kekal dalam lingkungan +/- 15% daripada kadar tarif sebelumnya, manakala kadar tarif kebakaran telah dikurangkan sebanyak 15% untuk segmen yang lebih menguntungkan dengan fleksibiliti yang lebih besar diberikan untuk padanan dengan risiko dasar. Pelarasan kepada kadar premium dan sumbangan juga terus dilakukan secara beransur-ansur.

Pasa masa hadapan, ITO akan terus terdedah kepada volatiliti pasaran kewangan yang ketara memandangkan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang besar. Pembalikan (*reversion*) menaik tuntutan perubatan kepada trend jangka panjangnya juga akan memberikan sedikit kesan kepada keuntungan pada tahun 2023, apabila pergerakan terus kembali normal. Dalam jangka panjang, kesan varian COVID-19 kepada pertumbuhan premium dan keuntungan masih belum boleh dilihat kerana kesedaran yang lebih tinggi boleh menyebabkan peningkatan permintaan bagi insurans serta tuntutan yang berkaitan. Liberalisasi tarif motor dan kebakaran secara berperingkat yang berterusan boleh menjejaskan prestasi sesetengah ITO am dalam jangka pendek memandangkan persaingan yang lebih tinggi untuk bahagian pasaran. Walau bagaimanapun, dalam jangka panjang, pelarasan premium yang sepadan dengan risiko bagi segmen individu akan menyokong penentuan harga berasaskan risiko selaras dengan model perniagaan yang lebih mampan dan selaras dengan usaha menggalakkan pemanduan berhemah. Perkara ini amat perlu untuk memelihara penyediaan perlindungan yang berterusan oleh sektor swasta. Bank akan terus memantau perkembangan dalam pelarasan kadar untuk memastikan sebarang pelarasan (naik atau turun) tidak mewujudkan gangguan pasaran yang boleh menjejaskan akses kepada perlindungan atau memberi kesan ketidakseimbangan kepada segmen populasi yang diinsuranskan. Selain itu, trend meningkat dalam magnitud tuntutan berkaitan dengan banjir[11] menunjukkan kelemahan keuntungan keseluruhan ITO kepada risiko berkaitan iklim. Permintaan untuk perlindungan insurans dijangka meningkat pada masa akan datang apabila peristiwa berkaitan iklim terus menjadi nyata. Oleh itu, pendekatan yang lebih mantap dalam pengurusan risiko berkaitan iklim akan menjadi sangat penting, seiring dengan pengaturan modal dan insurans semula yang kukuh untuk memastikan ITO dilindungi secukupnya daripada potensi risiko pertumbuhan menjadi perlahan.

Perkembangan penting yang lain dalam industri ialah penguatkuasaan Kontrak Insurans Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 17 (Malaysian Financial Reporting Standard, MFRS) pada 1 Januari 2023.[12] Secara umumnya, standard perakaunan baharu ini tidak menjejaskan kontrak insurans/takaful jangka pendek dengan ketara kerana kesan daripada model pengukuran baharu adalah sama seperti model pengukuran yang digunakan dalam MFRS 4. Walau bagaimanapun, untuk kontrak insurans atau takaful jangka panjang, penggunaan olahan perakaunan yang lebih

[10] Fleksibiliti penetapan harga yang lebih besar bagi produk motor dan kebakaran akan diberikan kepada ITO yang memenuhi kehendak dan keperluan Bank mengenai pembaharuan ekosistem tuntutan motor.

[11] Jumlah kerugian akibat kejadian banjir pada tahun 2021 berjumlah RM2.2 bilion, iaitu kira-kira tujuh kali lebih tinggi daripada kerugian terbesar yang dicatatkan pada dekad yang lalu (2017: RM 323.4 juta).

[12] Kontrak Insurans MFRS 17 mengandungi olahan perakaunan yang lebih komprehensif bagi kontrak insurans dan takaful dan akan menggantikan Kontrak Insurans MFRS 4. Penggunaan MFRS 17 dijangka menyediakan maklumat yang lebih relevan mengenai kesan kontrak insurans terhadap kedudukan dan prestasi kewangan entiti.

konsisten di bawah MFRS 17 bersama-sama dengan pengiktirafan pendapatan belum diperoleh yang jelas melalui "margin perkhidmatan kontrak" boleh mempengaruhi dengan ketara ukuran dan paparan kontrak insurans dalam penyata kewangan oleh ITO hayat dan keluarga. Namun demikian, berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank, semua responden ITO menjangkakan kedudukan ekuiti pemegang saham akan kekal positif di bawah piawaian perakaunan baharu. Namun begitu, tahap sejauh mana keputusan dan operasi kewangan menjadi terjejas mungkin berbeza merentas syarikat, bergantung pada campuran perniagaan mereka, dan andaian serta kaedah yang digunakan untuk menilai liabiliti di bawah pendekatan pengukuran baharu.[13] Sebagai contoh, beberapa ITO hayat dan keluarga dijangka akan melaporkan ekuiti pemegang saham yang lebih tinggi di bawah standard baharu kerana kesan pewujudan item liabiliti baharu diimbangi oleh perubahan lain dari segi andaian dan metodologi.

Pelaksanaan MFRS 17 juga tidak akan menjejaskan keperluan modal pengawalseliaan secara nyata[14] kerana Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital Framework, RBCF) Bank, termasuk asas penilaian liabiliti insurans dan takaful, masih kekal berkuat kuasa bagi ITO. Asas penilaian pengukuran semasa Bank bagi menilai liabiliti insurans dan takaful di bawah RBCF adalah berbeza daripada MFRS 17, tetapi masih sesuai dan berhemat. Pengukuran Bank memerlukan peruntukan risiko bagi sisihan yang ketara oleh ITO, menggunakan kadar bebas risiko (*risk-free rates*) untuk mendiskaunkan aliran tunai yang dijamin, serta menerapkan metodologi penilaian berhemat.[15] Walau bagaimanapun, Bank sedang menjalankan semakan terhadap RBCF sedia ada dengan mengambil kira perkembangan pasaran dan teknikal semenjak RBCF pertama kali diperkenalkan pada tahun 2009 (untuk penanggung insurans) dan tahun 2012 (untuk pengendali takaful). Berdasarkan perubahan keperluan pelaporan kewangan serta semakan semula RBCF yang sedang dijalankan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) juga sedang mempertimbangkan kaedah untuk mempermudah Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan pengendali takaful untuk mencerminkan perubahan ini.[16]

Sektor insurans dan takaful pada masa hadapan dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat industri sebanyak 226% kekal jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan sebanyak 130% (Rajah 2.25). Penampan modal melebihi keperluan pengawalseliaan berjumlah RM37.5 bilion. Ujian tekanan makro yang dijalankan oleh Bank juga mengesahkan bahawa di bawah senario buruk, kebanyakan penanggung insurans akan kekal berdaya tahan dengan penampan modal yang mencukupi (rujuk bahagian mengenai 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut).

Rajah 2.25: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

[13] MFRS 17 memperkenalkan model pengukuran yang digunakan untuk semua kontrak insurans, yang terdiri daripada aliran tunai pemenuhan (nilai semasa terdiskaun aliran tunai diselaraskan untuk risiko bukan kewangan) dan margin perkhidmatan kontrak (keuntungan yang belum diperolehi daripada kontrak).

[14] Kecuali bagi kesan marginal daripada pengkelasan semula aset kewangan.

[15] Contohnya, penubuhan rizab sterling untuk liabiliti bukan unit perniagaan berkaitan pelaburan.

[16] Sila rujuk Kertas Perundingan PIDM tentang cadangan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza (https://www.pidm.gov.my/pidm2022/media/downloads/2023/CP/Consultation-Paper-on-DLS-Frameworks.pdf).

MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Setiap tahun, Bank menjalankan ujian tekanan kesolvenan makro dan mikro berbilang tahun dari atas ke bawah (*top-down*) untuk menilai kemungkinan impak tekanan kewangan dan makroekonomi yang berpanjangan terhadap setiap bank dan penanggung insurans, serta sistem kewangan yang lebih meluas.

Ujian tekanan kesolvenan makro dari atas ke bawah yang terkini telah dijalankan pada awal tahun 2023 dan meliputi tempoh tiga tahun sehingga akhir tahun 2025. Ujian ini didasarkan pada dua senario buruk untuk menilai daya tahan institusi kewangan terhadap laluan penguncupan atau kelembapan pertumbuhan ekonomi yang berbeza. Senario tersebut tidak menggambarkan ramalan ekonomi sebenar Bank. Sebaliknya, senario tersebut direka untuk menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang teruk.

Senario buruk pertama (SB1) menilai daya tahan institusi kewangan terhadap gangguan dalam persekitaran operasi yang sementara tetapi teruk. SB1 mengandaikan bahawa ekonomi Malaysia menguncup secara mendadak pada tahun 2023 dengan magnitud yang lebih besar daripada yang dilihat semasa pandemik COVID-19. Dalam senario ini, penguncupan yang mendadak dalam pertumbuhan global dan ketegangan geopolitik yang meningkat dijangka memberikan kesan yang buruk terhadap tahap eksport dan pengeluaran Malaysia. Kebanyakan perniagaan akan merasionalkan atau mengecilkan operasi kerana kekurangan penampan tunai dan ketiadaan sokongan dasar untuk mengurangkan kenaikan kos yang mendadak. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan kehilangan pekerjaan yang banyak dengan kadar pengangguran memuncak pada 5.4%. Keadaan kredit juga lebih ketat apabila institusi kewangan semakin menghindari risiko pada tahun 2023. Pertumbuhan KDNK kemudiannya mengalami pemulihan berbentuk V yang kukuh pada tahun 2024 dan kembali normal selepas itu. Situasi ini disokong oleh pelonggaran dasar monetari global apabila inflasi jatuh dan momentum pemulihan ekonomi global meningkat.

Senario buruk kedua (SB2) mengandaikan penguncupan atau kelembapan ekonomi yang kurang teruk tetapi lebih berpanjangan berbanding dengan SB1. Senario ini bertujuan untuk menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi persekitaran operasi yang sukar dalam tempoh masa yang lebih panjang. Dalam senario ini, KDNK merekodkan pertumbuhan negatif pada tahun 2023 dan 2024, sebelum pulih sedikit pada tahun 2025. Kadar pengangguran mencapai tahap tertinggi pada 6.0% pada tahun 2024 dan kekal tinggi sepanjang tempoh ujian tekanan dengan kesan kerosakan ekonomi yang teruk berpanjangan terhadap pasaran pekerja disebabkan oleh keadaan ekonomi yang lemah.

Dalam ujian tekanan terkini, penghindaran risiko global yang lebih tinggi diandaikan di bawah kedua-dua senario dalam keadaan prospek pertumbuhan global yang tidak menentu. Akibatnya, terdapat aliran keluar portfolio yang besar dan tidak menentu daripada pasaran ekonomi yang sedang pesat membangun. Inflasi yang berterusan dan dasar monetari yang menjadi ketat dalam ekonomi maju juga menyebabkan keadaan kewangan global yang lebih ketat dalam kedua-dua senario, walaupun pendirian dasar monetari di bawah SB2 adalah kurang ketat berbanding dengan SB1. Kadar hasil bon pula terus meningkat dengan kenaikan yang lebih berpanjangan di bawah SB2 disebabkan oleh keadaan kewangan global yang berterusan ketat. Trend ringgit berbanding dolar AS lebih lemah dan mencapai paras terendah yang tidak pernah dicatatkan sebelum ini dalam kedua-dua senario, tetapi dengan pelarasan yang lebih mendadak pada tahun 2023 di bawah SB1. FBM KLCI menurun secara lebih mendadak tetapi kemudiannya meningkat semula dengan lebih tinggi di bawah SB1, manakala pemulihan kekal perlahan di bawah SB2 dalam keadaan pemulihan ekonomi yang lemah dan ketidaktentuan dasar yang berpanjangan.

Penambahbaikan yang dibuat terhadap andaian utama yang terpilih dalam ujian tekanan terkini digariskan dalam Jadual 2.1.[17] Dalam sesetengah keadaan, ujian tekanan mengutamakan elemen konservatif lebih daripada senario makroekonomi yang koheren supaya potensi kesan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan tambahan dapat diukur. Sebagai contoh, ujian tekanan mengandaikan OPR berada pada trend

[17] Untuk keterangan lanjut tentang metodologi ujian tekanan, sila rujuk rencana 'Ciri Utama Simulasi Kesolvenan Makro yang Dipertingkat bagi Bank-bank', 'Meramal Kemerosotan Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata' dan 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2020 Bank Negara Malaysia.

menurun,[18] yang memberikan kesan buruk terhadap keuntungan bank. Walau bagaimanapun, kos pinjaman untuk perniagaan diandaikan lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan kadar hasil bon dan ringgit yang menyusut. Ujian tekanan juga mengandaikan kos pinjaman isi rumah tidak berkurang walaupun OPR diandaikan lebih rendah. Apabila perlu, pertimbangan tambahan dibuat untuk syarikat bukan PKS besar yang terpilih, bagi mengambil kira perkembangan khusus syarikat yang tidak dirangkumi oleh parameter model yang menilai potensi kemerosotan nilai. Bagi dedahan kredit bank-bank, peminjam bukan PKS yang gagal dalam simulasi diandaikan akan mencetuskan mungkir silang di keseluruhan kumpulan perniagaan mereka, walaupun anak syarikat lain mungkin kukuh dari segi kewangan. Peminjam isi rumah yang mungkir juga diandaikan akan mungkir silang atas semua pinjaman mereka. Pinjaman peminjam mungkir diandaikan kekal terjejas pada sepanjang tempoh tekanan biarpun keupayaan membayar balik hutang meningkat kemudiannya. Ujian tekanan terus mengandaikan bahawa tiada lagi bantuan bayaran balik pinjaman atau langkah sokongan dasar[19] disediakan untuk isi rumah dan perniagaan semasa tempoh ujian tekanan. Ujian tekanan ini juga menggabungkan anggaran kerugian dan dedahan daripada anak syarikat dan cawangan luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) besar[20] di empat negara. Gabungan andaian tekanan imbuhan dan tambahan, di samping nisbah kemerosotan yang lebih tinggi pada permulaan tempoh ujian tekanan yang merangkumi kesan COVID-19 (MST 2023: 2.1%; MST 2022: 1.4%),[21] mengakibatkan unjuran pinjaman terjejas di bawah MST 2023 adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian sebelumnya.

Jadual 2.1: Ujian Tekanan Makro: Perubahan Utama pada Andaian dalam Ujian Tekanan Sistem Perbankan

Bahagian	Perubahan Andaian Utama
Model risiko kredit	• Pinjaman PKS yang akan matang dengan bayaran balik pinjaman secara sekali gus *(bullet repayments)* yang diandaikan kes mungkir(i) • Penggabungan kejutan tambahan daripada keadaan kewangan yang semakin ketat(ii) kepada peminjam perniagaan bukan PKS
Kos kredit	• Anggaran dibuat berdasarkan nisbah perlindungan tertinggi(iii) pada tahun 2021 dan 2022, serta diandaikan tidak berubah semasa ujian tekanan
Dedahan pertukaran asing	• Penggabungan keuntungan dan kerugian daripada dedahan pertukaran asing
Modal dan aset berwajaran risiko (RWA)	• Pengiktirafan aset berwajaran risiko (*risk-weighted assets*, RWA) yang lebih tinggi berikutan kenaikan dedahan FCY diukur dalam ringgit
Operasi luar negeri	• Mengambil kira kerugian daripada cawangan dan subsidiari utama luar negeri DBG yang besar dengan operasi luar negeri yang ketara

Nota:
(i) PKS daripada semua sektor diandaikan akan menghadapi kesukaran yang sama untuk membayar balik pinjaman secara sekali gus di bawah SB1 dan SB2. Ujian Tekanan Makro ST2 2021 membuat andaian bahawa hanya PKS daripada sektor mudah terjejas yang lebih terkesan oleh pandemik menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman secara sekali gus.
(ii) Bayaran faedah yang tinggi untuk pinjaman mata wang asing dan pembiayaan semula kos yang lebih tinggi untuk bon korporat yang akan matang.
(iii) Nisbah perlindungan ditakrifkan sebagai nisbah peruntukan kepada pinjaman yang diklasifikasikan sebagai tahap yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9. Sebagai contoh, nisbah perlindungan Tahap 3 adalah nisbah peruntukan Tahap 3 kepada pinjaman Tahap 3.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[18] OPR diandaikan berada dalam trend menurun supaya koheren dengan kelemahan pertumbuhan ekonomi dan pengangguran yang meningkat, serta tekanan inflasi yang menurun. Di samping itu, Bank juga telah menjalankan analisis sensitiviti sebelum ini untuk menilai keupayaan bank-bank untuk menahan kerugian kredit yang lebih tinggi berikutan kenaikan mendadak dalam OPR. Keputusan mengesahkan bahawa sistem perbankan kekal berdaya tahan berdasarkan andaian sedemikian. Rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 Bank Negara Malaysia untuk keterangan lanjut.

[19] Hal ini mungkin termasuk fleksibiliti untuk mengeluarkan simpanan persaraan, program subsidi gaji atau pindahan tunai daripada Kerajaan.

[20] Ujian tekanan hanya meliputi DBG dengan operasi luar negara yang signifikan.

[21] Angka tersebut merujuk nisbah pinjaman terjejas sebenar yang digunakan sebagai garis dasar bagi unjuran nisbah pinjaman terjejas bagi kedua-dua ujian tekanan. MST 2023 merujuk ujian tekanan kesolvenan makro semasa, manakala MST 2022 merujuk ujian tekanan yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Kedua Tahun 2021. Nisbah pinjaman terjejas asas bagi MST 2023 termasuk kerugian daripada operasi luar negeri DBG besar terpilih. Tidak termasuk kerugian operasi luar negeri, nisbah pinjaman terjejas asas MST 2023 ialah 1.8%.

Keputusan ujian tekanan terus mengesahkan daya tahan institusi kewangan walaupun di bawah simulasi kejutan yang teruk

Keputusan menunjukkan bahawa menjelang akhir tahun 2025, keseluruhan pinjaman terjejas diunjurkan meningkat hingga 6.9% dan 7.7% (MST 2022: 6.1% dan 6.6%) daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing di bawah SB1 dan SB2, didorong sebahagian besarnya oleh isi rumah (Rajah 2.26). Kebanyakan (65%) peminjam isi rumah yang diunjurkan berisiko untuk mungkir di bawah kedua-dua SB1 dan SB2 ialah peminjam yang berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan, disebabkan oleh penampan kewangan mereka yang kecil (Rajah 2.27). Namun begitu, peminjam ini mencakupi bahagian yang lebih rendah (42%) daripada pinjaman terjejas baharu mengikut nilai yang mencerminkan saiz pinjaman mereka yang lebih kecil berbanding kumpulan yang berpendapatan tinggi. Peminjam yang berpendapatan antara RM5,000 dan RM10,000 sebulan juga akan terdedah pada tekanan di bawah kejutan ekonomi yang teruk dan membentuk 29% daripada jumlah peminjam berisiko dan bahagian hutang terjejas baharu mengikut nilai yang lebih tinggi sebanyak 43%. Bagi perniagaan, syarikat bukan PKS mencakupi lebih separuh daripada jumlah pinjaman terjejas perniagaan, sepadan dengan saiz pinjaman terkumpul mereka yang lebih besar dan andaian mungkir silang konservatif. Pinjaman terjejas PKS lebih tinggi di bawah SB2 (1.7%; SB1: 1.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan) kerana penampan tunai mereka yang agak kecil terhakis dengan lebih teruk di bawah kemelesetan ekonomi yang berlarutan.

Risiko kredit terus mendorong kerugian pada sistem perbankan dalam ujian tekanan. Di bawah SB1 dan SB2, kos kredit kumulatif sepanjang tempoh tekanan 3 tahun masing-masing diunjurkan berjumlah RM53.1 bilion dan RM58.5 bilion (atau 58% dan 63% daripada jumlah kerugian) (Rajah 2.28).[22] Kira-kira 20% daripada kos kredit kumulatif berpunca daripada operasi luar negeri bank-bank dan sebahagian besarnya merupakan kerugian daripada kemungkiran besar syarikat bukan PKS. Sementara itu, unjuran peningkatan hasil bon dijangkakan akan menyebabkan kerugian penilaian semula yang agak besar terhadap bon yang dipegang dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI) (RM36 bilion atau 39% dan RM33 bilion atau 36% daripada jumlah kerugian, masing-masing di bawah SB1 dan SB2) dan secara langsung mengurangkan penampan modal bank-bank (Rajah 2.29).

[22] Dalam ujian tekanan sebelum ini, unjuran kos kredit dalam tempoh tiga tahun masing-masing berjumlah RM38.4 bilion dan RM41.7 bilion di bawah SB1 dan SB2. Rujuk Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 Bank Negara Malaysia untuk keterangan lanjut.

Rajah 2.26: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Nota: Angka-angka pinjaman terjejas termasuk dedahan daripada operasi luar negara DBG terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.27: Ujian Tekanan Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Kredit Kumulatif di Bawah Senario Buruk 2



u Unjuran

Note: 1. (...) merujuk % daripada kos kredit kumulatif keseluruhan.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.29: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Utama di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Risiko pasaran termasuk kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keuntungan sistem perbankan secara keseluruhan mungkin menurun sebanyak 60% pada tahun pertama tekanan akibat kos kredit dan kerugian akaun dagangan yang lebih tinggi. Kerugian daripada pergerakan FX kekal terhad, masing-masing mencakupi 0.9% dan 0.5% daripada jumlah kerugian di bawah SB1 dan SB2. Pemulihan seterusnya dalam pendapatan faedah bersih akan meningkatkan sedikit keuntungan. Walaupun jangkaan kerugian daripada operasi luar negeri kekal besar bagi DBG yang besar, kesannya terhadap DBG dikurangkan dengan ketara oleh penampan modal sihat yang dikekalkan oleh entiti luar negeri masing-masing.

Nisbah modal agregat sistem perbankan akan kekal selesa melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.30). Sebahagian besar (lebih daripada 80%) bank-bank akan dapat mengekalkan nisbah modal melebihi sasaran modal dalaman mereka, walaupun 24 daripada 54 bank dengan bahagian terkumpul sebanyak 25% daripada jumlah aset sistem perbankan akan melaporkan kerugian sekurang-kurangnya dalam satu tahun sepanjang tempoh tekanan. Hanya dua bank yang mencakupi kurang daripada 1% daripada jumlah aset sistem perbankan, dijangka melanggar keperluan modal pengawalseliaan minimum dalam senario buruk ini. Secara keseluruhan, keputusan ujian tekanan mengesahkan bahawa bank-bank dapat bertahan dengan kejutan makroekonomi dan kewangan yang ketara dan berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah.

Ujian tekanan kesolvenan makro untuk penanggung insurans juga menggunakan senario SB1 dan SB2 yang sama. Di samping itu, andaian khusus insurans juga digunakan, seperti (i) peningkatan pembayaran

Rajah 2.30: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran
Sumber: Bank Negara Malaysia

faedah perubatan akibat inflasi perubatan dan lebih banyak prosedur elektif ketika negara bergerak ke fasa endemik; (ii) andaian konservatif terhadap pertumbuhan liabiliti dan premium insurans hayat; (iii) tuntutan insurans am yang lebih tinggi apabila alat ganti motor menjadi lebih mahal disebabkan oleh gangguan bekalan, dan kejadian banjir yang besar; (iv) kadar premium yang lebih rendah berikutan persaingan yang semakin sengit dalam segmen motor dan kebakaran; dan (v) pasaran insurans semula yang semakin sukar disebabkan oleh kapasiti insurans semula global yang lebih rendah.

Di bawah SB1 dan SB2, sektor insurans dinilai untuk mengekalkan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat melebihi paras pengawalseliaan minimum (Rajah 2.31). Risiko pasaran kekal sebagai pemacu kerugian terbesar bagi penanggung insurans hayat (Rajah 2.32), dengan peningkatan hasil bon dan prestasi pasaran ekuiti yang lemah menjejaskan pegangan mereka yang signifikan dalam aset kewangan.

Walau bagaimanapun, pendapatan pengunderaitan daripada premium perniagaan baharu dijangkakan akan mengurangkan kesan terhadap CAR. Hanya satu penanggung insurans hayat kecil, yang mencakupi kurang daripada 3% daripada jumlah aset insurans hayat, dijangka tidak akan mematuhi tahap minimum pengawalseliaan selepas kejutan. Sementara itu, CAR penanggung insurans am diunjurkan lebih rendah khususnya di bawah SB2, sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian penilaian semula terhadap pelaburan bon, tuntutan yang lebih tinggi daripada segmen motor dan kebakaran, dan premium yang lebih rendah akibat persaingan yang ketara. Ujian tekanan kesolvenan makro juga ditambah dengan penilaian keupayaan penanggung insurans untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek di bawah keadaan yang tertekan, termasuk bayaran faedah polisi yang lebih tinggi akibat pengembalian, bayaran berkaitan dengan perubatan dan tuntutan banjir. Penilaian mudah tunai mengesahkan bahawa penanggung insurans mempunyai aset mudah tunai yang mencukupi[23] bagi memenuhi obligasi ini.

[23] Merujuk wang tunai dan deposit serta MGS.

Rajah 2.31: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal (CAR) di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Punca Kerugian di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penting untuk difahami bahawa dari segi reka bentuk, ujian tekanan menggunakan andaian yang sangat konservatif untuk menilai daya tahan bank dan penanggung insurans terhadap kejutan buruk. Walau bagaimanapun, impak sebenar senario tekanan terhadap institusi kewangan berkemungkinan tidak terlalu teruk disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah:

- Tindakan awalan oleh institusi kewangan untuk meningkatkan penampan modal melalui strategi pengekalan modal, terbitan baharu atau suntikan daripada institusi induk;
- Keupayaan operasi dan kewangan institusi kewangan yang kukuh untuk menyokong isi rumah dan perniagaan yang menghadapi tekanan kewangan sebelum gangguan ekonomi berlaku;
- Tindakan pemulihan bagi pinjaman terjejas untuk mengurangkan andaian kerugian yang digunakan dalam ujian tekanan ini;
- Penampan peruntukan yang besar yang dibina untuk mengurangkan kesan kos kredit pada masa hadapan; dan
- Intervensi dasar yang berkemungkinan besar diambil oleh Bank, Kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain untuk mengurangkan kesan kejutan kewangan dan ekonomi yang teruk.

Perkembangan Pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) dalam Sektor Kewangan

CCPT[1] merupakan rangka kerja untuk institusi kewangan mengenal pasti dan mengkategorikan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada daya tahan iklim. Mulai Julai 2022, institusi kewangan mula menghantar laporan separuh tahun kepada Bank tentang pendedahan mereka sejajar dengan prinsip panduan dan sistem klasifikasi CCPT (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Prinsip Panduan dan Sistem Klasifikasi CCPT



Sistem Klasifikasi CCPT		Kegiatan Ekonomi GP1	Kegiatan Ekonomi GP2	Keseluruhan Perniagaan GP3	Keseluruhan Perniagaan GP4
Sokongan Iklim Aktiviti yang memberikan impak positif terhadap perubahan iklim, dan tidak menyebabkan kemudaratan yang ketara kepada alam sekitar	C1	GP1 atau GP2 atau kedua-duanya		✓	
Peralihan Aktiviti yang menyebabkan kemudaratan yang ketara kepada alam sekitar, namun langkah-langkah pemulihan di ambil untuk mengurangkan kemudaratan	C2	GP1 atau GP2 atau kedua-duanya		✗	✓
	C3	✗		✗	✓
Senarai Pantauan Aktiviti yang menyebabkan kemudaratan yang ketara terhadap alam sekitar dan tiada langkah-langkah pemulihan diambil untuk mengurangkan kemudaratan	C4	GP1 atau GP2 atau kedua-duanya		✗	✗
	C5	✗		✗	✗

Nota: Terdapat lima prinsip panduan dalam CCPT. GRH merujuk kepada gas rumah hijau.

Sumber: Dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip, 30 April 2021

Perkembangan menggalakkan diperhatikan dalam klasifikasi dedahan

Walaupun pelaporan CCPT masih pada peringkat awal, institusi kewangan sudah menunjukkan kemajuan dalam penambahbaikan kualiti dan liputan pelaporan. Institusi kewangan berjaya mengklasifikasikan 94.5% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan baharu yang diluluskan pada separuh kedua tahun 2022, dan 70.5% daripada pinjaman/pembiayaan terkumpul setakat bulan Disember 2022, iaitu meningkat daripada masing-masing 92.5% dan 55.0% bagi tempoh berakhir bulan Jun 2022 (Rajah 1). Peningkatan itu susulan usaha yang giat oleh institusi kewangan untuk mengintegrasikan faktor berkaitan iklim dalam proses semakan kredit tahunan para pelanggan mereka.

Pada separuh tahun kedua (ST2), bahagian pinjaman/pembiayaan baharu yang lebih tinggi diklasifikasikan oleh institusi kewangan dalam kategori peralihan iklim, iaitu C2 dan C3 (55.9%; separuh tahun pertama (ST1) 2022: 46.3%). Hal ini juga dapat diperhatikan bagi pinjaman/pembiayaan terkumpul (Disember 2022: 45.9%; Jun 2022: 26.3%). Bahagian yang lebih besar ini mencerminkan sokongan berterusan oleh institusi kewangan terhadap perniagaan yang mengambil inisiatif untuk beralih kepada aktiviti dan operasi karbon lebih rendah, serta pengamatan yang lebih jelas dalam strategi iklim pelanggan mereka, susulan perbincangan bersama pelanggan dalam bidang ini yang semakin bertambah baik.

[1] Rujuk rencana bertajuk 'Pelaksanaan CCPT dalam Sektor Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 Bank Negara Malaysia.

Rajah 1: Klasifikasi CCPT untuk Pembiayaan atau Pinjaman Baharu Terkumpul



Nota: Dedahan segmen bukan PKS dan PKS. TDDL bermaksud 'tidak diklasifikasikan di tempat lain' disebabkan oleh dedahan yang dikecualikan daripada pelaporan CCPT serta akaun yang belum disemak.

Sumber: Pelaporan CCPT, Jun dan Disember 2022

Institusi kewangan juga mempamerkan kemajuan dari segi klasifikasi pendedahan pelaburan kewangan.[2] Institusi kewangan berupaya mengklasifikasikan 73.3% dan 68.3% daripada pelaburan baharu dan terkumpul pada ST2 2022, meningkat daripada 55.2% dan 57.1% pada ST1 2022 (Rajah 2). Penzahiran berkaitan maklumat iklim yang terhad yang dibuat oleh penerbit instrumen kewangan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada cabaran institusi kewangan untuk mengklafisifikasikan pendedahan ini.

Klasifikasi CCPT yang dilaporkan masih mencerminkan varians yang besar antara semua institusi kewangan, sebahagiannya didorong oleh kualiti data yang tersedia kepada institusi kewangan, dan perbezaan dalam kriteria yang digunakan untuk menilai prinsip panduan CCPT. Dalam hal ini, Bank dan institusi kewangan mengambil langkah yang aktif untuk meningkatkan ketekalan dalam penilaian dan menangani jurang data berkaitan iklim. Pada bulan Disember 2022, Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim[3] (Joint Commitee on Climate Change, JC3) menerbitkan Katalog Data Iklim[4] sebagai titik permulaan untuk menangani keperluan data yang kritikal bagi sektor kewangan (Gambar Rajah 2). Susulan penerbitan ini, JC3 kini akan memberikan tumpuan pada kerjasama dengan pembekal data yang berkenaan untuk menyelesaikan isu kebolehcapaian data serta meningkatkan kualiti, kebolehbandingan (*comparability*) dan ketekalan data berkaitan iklim daripada sumber data yang dikenal pasti. JC3 juga bekerjasama dengan Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) Pengantaraan berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI) untuk memperluas kes penggunaan CCPT menerusi kes penggunaan khusus sektor/projek yang dirangkumi dalam Panduan Sektoral VBIAF.[5] Tindakan untuk menambah baik kualiti klasifikasi bagi pelaporan CCPT ini akan terus menjadi keutamaan bagi mengurangkan risiko *greenwashing*.[6]

[2] Termasuk ekuiti dan bon.
[3] JC3 ialah platform yang ditubuhkan pada bulan September 2019 untuk melaksanakan usaha kerjasama bagi membina daya tahan iklim dalam sektor kewangan. Inisiatif JC3 dilaksanakan oleh lima jawatankuasa kecil: Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Penzahiran, Produk dan Inovasi, Penglibatan dan Pembinaan Keupayaan, serta Menangani Jurang Data.
[4] Katalog Data Iklim berfungsi sebagai sumber rujukan umum bagi ketersediaan dan kebolehcapaian data iklim dan alam sekitar berdasarkan senarai keutamaan kes penggunaan sektor kewangan. Rujuk Bab 2.2, 'Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari' dalam Laporan Tahunan 2022 Bank Negara Malaysia.
[5] Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework*, VBIAF).
[6] *Greenwashing* merujuk amalan syarikat yang membuat dakwaan palsu atau mengelirukan mengenai usaha mereka dalam mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim atau membesar-besarkan kesan daripada usaha mereka.

Rajah 2: Klasifikasi CCPT untuk Pelaburan Kewangan Baharu dan Terkumpul



Nota: Dedahan segmen bukan PKS dan PKS. TDDL bermaksud 'tidak diklasifikasikan di tempat lain' disebabkan oleh dedahan yang dikecualikan daripada pelaporan CCPT serta akaun yang belum disemak.

Sumber: Pelaporan CCPT, Jun dan Disember 2022

Gambar Rajah 2: Katalog Data Iklim



Nota: Katalog Data Iklim mempunyai 82 item data, di mana 55 item di dalam 8 kumpulan data utama dan 27 item di bawah kumpulan lain-lain. GRH merujuk kepada gas rumah hijau.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bentuk pembiayaan inovatif baharu semakin berkembang bagi menyokong peralihan

Bahagian dedahan yang tinggi yang dilihat dalam kategori peralihan dan senarai pantauan, iaitu C2 hingga C5 (termasuk dedahan yang tidak diklasifikasikan di tempat lain (TDDL)), merentas kebanyakan sektor (Rajah 3) menunjukkan betapa perlunya pelaburan hijau dan pembiayaan peralihan yang signifikan untuk menyokong langkah mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim oleh perniagaan, terutamanya PKS. Bagi memenuhi keperluan ini, pendekatan pembiayaan yang baharu diperlukan untuk meningkatkan skala aliran kewangan ke arah aktiviti peralihan iklim. Hal ini termasuk menggunakan pelbagai instrumen pembiayaan, seperti penyelesaian pembiayaan alternatif dengan ciri perkongsian awam-swasta dan pilihan kewangan gabungan dengan pengaturan perkongsian risiko.

Rajah 3: Klasifikasi CCPT untuk Sektor Tertentu



Nota: Dedahan segmen bukan PKS dan PKS. TDDL bermaksud 'tidak diklasifikasikan di tempat lain' disebabkan oleh dedahan yang dikecualikan daripada pelaporan CCPT serta akaun yang belum disemak.

Sumber: Pelaporan CCPT, Disember 2022

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST2 2020	ST1 2021	ST2 2021	ST1 2022	ST2 2022*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	18.9	18.6	19.2	18.4	18.8
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.7	15.4	16.0	15.2	15.6
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	15.2	14.9	15.5	14.7	15.0
Pulangan atas Aset[1]	1.0	1.1	1.1	1.3	1.4
Pulangan atas Ekuiti[1]	8.4	9.7	9.5	11.8	12.4
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	148.2	149.1	153.4	148.3	154.1
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2,3]	1.0	1.0	1.1	1.1	1.1
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.1	1.1	1.0	0.9	0.9
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	5.2	4.7	4.0	4.4	3.6
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.5	1.3	1.3	1.3	1.3
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	220.2	221.1	222.2	224.4	225.9
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[4]	8.4	1.1	3.2	-2.3	6.9
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	9.9	11.8	10.5	12.3	10.8
Nisbah Kecukupan Modal	203.4	207.9	212.0	217.3	216.8
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.7	1.8	1.3	1.0	2.0
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.9	1.3	0.7	0.4	1.2
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.5	10.8	10.8	12.1	12.1
Nisbah Tuntutan	54.2	52.7	56.5	63.8	52.1
Nisbah Kecukupan Modal	283.9	270.9	256.9	246.2	249.5
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)[2]	1,320.6	1,338.6	1,376.4	1,409.1	1,451.4
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,901.3	2,896.0	2,971.3	2,901.9	3,002.4
Nisbah Hutang IR kepada KDNK[2]	93.1	89.8	89.1	84.5	81.2
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR[2]	219.7	216.3	215.9	205.9	206.9
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR[2]	145.2	145.8	144.0	137.5	135.4
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank)[2,3]	1.1	1.2	1.1	1.3	1.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[5]	1.4	1.5	1.0	1.1	1.1
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	1.1	2.2	2.4	2.6	2.2
Pulangan atas Ekuiti	2.2	4.2	4.2	4.7	4.2
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	22.6	22.6	22.5	22.0	20.9
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	4.8	7.0	7.2	7.9	6.0
Margin Operasi	5.5	7.5	7.5	7.6	6.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[2,3]	2.6	2.9	2.8	3.0	2.8
Institusi Kewangan Pembangunan[6]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	7.7	6.2	3.6	2.6	1.1
Deposit Digembleng (% perubahan)	6.6	7.5	1.4	2.3	3.9
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.1	5.5	5.3	5.9	5.5
Pulangan atas Aset	1.1	1.3	1.1	1.0	1.1

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik.
[2] Data pinjaman/pembiayaan bermula tahun 2021 dan seterusnya adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.
[3] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[4] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[5] Berdasarkan pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih.
[6] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST2 2020	ST1 2021	ST2 2021	ST1 2022	ST2 2022*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,089,540.7	1,139,095.2	1,191,622.4	1,236,289.1	1,316,167.8
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	34.2	35.1	35.5	35.4	36.3
Jumlah Pembiayaan[1]	817,403.3	841,507.2	879,159.0	915,901.3	974,071.9
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	41.0	41.5	42.5	43.0	44.5
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	889,951.4	933,749.8	968,918.4	1,001,104.9	1,058,581.0
Jumlah Deposit[1]	790,905.4	820,390.9	844,293.4	865,763.1	926,371.6
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	99,046.0	113,358.9	124,625.0	135,341.8	132,209.3
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	38.9	39.7	39.8	40.2	41.6
	%				
Nisbah Jumlah Modal	18.6	18.4	19.2	18.3	18.7
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.0	14.8	15.5	14.8	15.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.5	14.3	15.0	14.2	14.6
Pulangan atas Aset	0.7	1.3	1.1	1.2	1.3
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	41,871.2	43,223.1	45,803.0	46,780.0	49,867.1
Keluarga	37,025.5	38,272.5	40,258.9	41,182.8	43,647.7
Am	4,845.7	4,950.6	5,544.1	5,597.2	6,219.4
% daripada industri insurans dan takaful	11.9	12.3	12.6	13.2	13.4
Pendapatan Sumbangan Bersih	5,985.5	7,189.0	6,614.6	8,588.5	7,717.5
Keluarga	4,527.5	5,776.3	5,093.2	6,886.3	5,856.1
Am	1,457.9	1,412.8	1,521.5	1,702.1	1,861.4
% daripada industri insurans dan takaful	18.2	21.9	19.4	24.3	21.6
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	3,401.9	4,682.1	3,817.5	5,439.9	4,618.9
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,817.1	1,861.7	1,966.4	2,229.5	2,407.2
Nisbah Tuntutan (%)	58.0	51.8	50.7	60.0	61.3

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia